ڤليتا بروني
Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
TAHUN 60 / BILANGAN 41 | 6 APRIL 2015 / 16 جمادى الأخير 1436 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

ڤتيقن تيته

### PETIKAN TITAH

"POLIS tidak boleh lemah. Sikap dan pendirian mereka mesti kuat, tidak boleh dirayu atau dipujuk-pujuk untuk mendapatkan simpati. Lebih-lebih lagi, penjawat polis, sama sekali tidak boleh curang terhadap tugasnya." - Titah Sempena Keberangkatan Baginda Ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei pada hari Selasa, 31 Mac 2015 Masihi bersamaan 10 Jamadilakhir 1436 Hijrah.

مانيسڽ ايمان

### MANISNYA IMAN

"DAN kahwinlah orang-orang bujang laki-laki dan perempuan daripada kalangan kamu dan daripada kalangan hamba-hamba kamu yang layak berkahwin, laki-laki dan perempuan. Jika mereka fakir, Allah akan mengurniakan kemampuan kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya berkat perkahwinan itu. Dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui." - (Surah An Nuur ayat 23).



الله ڤليهاراكن ڤڠنتين دراج

*Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni*
*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*
*Dengan*
*Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah*



# Majlis Istiadat Bersuruh Diraja

**Laporan : Samle Haji Jait, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Mahdi Haji Marsidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 April. - Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah dimulakan dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik yang berlangsung dengan penuh istiadat di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman.

Istiadat disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Majlis bermula dengan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad menjunjung anugeraha dan menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Yang Amat Mulia seterusnya menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Ke muka 24

**PETIKAN TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI MAJLIS ISTIADAT BERSURUH DIRAJA, PADA HARI AHAD, 15 JAMADILAKHIR 1436 HIJRAH BERSAMAAN 5 APRIL 2015 MASIHI DI ISTANA NURUL IMAN.**

***"Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wassalaatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'alaa 'Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.***

**SEBAGAIMANA** yang juga telah sama-sama dimaklumi bahawa pada hari ini rombongan Bersuruh Diraja bagi Anakanda peramba Awangku 'Abdul Malik, insyaAllah akan ke rumah Pengiran Haji Bolkiah untuk meminang anaknya Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah, maka sukacita serta tulus hati, peramba mewakilkan pada Ngian untuk berjumpa Pengiran Haji Bolkiah bagi tujuan tersebut.

Ngian bolehlah membawa beberapa ahli rombongan untuk mendangani Ngian, mudah-mudahan niat baik kita ini akan diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Miatu tah Ngian."



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah. - (*Lihat muka 3*).**

## Laman sesawang Istiadat Perkahwinan Diraja

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 April. - Acara bagi Istiadat Perkahwinan Diraja bermula hari ini dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman dan Darul Fadhl.

Bagi mengetahui lebih lanjut akan keunikan acara-acara semasa berlangsung Istiadat Perkahwinan Diraja, awda boleh melayari laman sesawang *www.royalwedding.information.gov.bn* yang memuatkan makluman mengenai Alat-Alat Kebesaran Diraja yang digunakan semasa Istiadat Perkahwinan Diraja seperti Perhiasan Tunggal, Kaskul, Dian Tunggal, Dian Majlis, Dian Empat, Dian Enam Belas, Tikar, Pasigupan Emas, Kasur Namat dan sebagainya.

Laman sesawang itu juga memaparkan latar belakang bagi majlis-majlis di sepanjang Istiadat Perkahwinan Diraja mulai dari Majlis Istiadat Bersuruh hinggalah Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Selain itu, laman sesawang berkenaan juga mengandungi makluman untuk media, klip-klip berita, pengumuman terkini, Atur Cara Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja serta memaparkan poster Istiadat Perkahwinan Diraja.

Para pengujung laman sesawang juga boleh menyaksikan beberapa acara Istiadat Perkahwinan Diraja melalui 'Live TV streaming' dan juga mendengar secara langsung melalui 'Live Radio streaming'.



Muka 4

UBD terima pelawat komuniti Islam Amerika Syarikat



Muka 5

PENGAKAP Brunei bantu mangsa banjir di Malaysia

# Perkampungan MIB cungkil bakat dan daya kepimpinan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH,** syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat hadir ke Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Kokurikulum Melayu Islam Beraja (MIB) Bagi Pasukan-Pasukan Beruniform Senegara Kali Pertama Tahun 2015 pada petang ini.

Terlebih dahulu, peramba / saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengerusi bersama majlis dan seluruh Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dari Majlis Tertinggi MIB dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum atas ingatan baik mengundang peramba / saya hadir dan memberikan penghormatan kepada peramba / saya bagi merasmikan acara Penutupan Perkampungan Kokurikulum MIB Bagi Pasukan-Pasukan Beruniform Senegara Kali Pertama Tahun 2015 pada hari ini.

Peramba / saya juga sukacita mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak penganjur dan pengelola program ini kerana berjaya mengumpulkan pasukan-pasukan beruniform dari seluruh negara bagi menyertai perkampungan ini.

Ucapan tahniah ini juga ditujukan khusus kepada semua peserta yang mengikuti perkampungan ini yang terdiri dari pelajar-pelajar sekolah menengah dan maktab-maktab dari sektor awam dan swasta yang bergiat aktif dalam pasukan-pasukan beruniform dan mengambil peluang untuk menambah pengetahuan dan pengalaman masing-masing melalui perkampungan ini.

Peramba / saya percaya bahawa penyertaan para pelajar dalam perkampungan ini setentunya memberikan banyak faedah dan manfaat serta akan memperolehi ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan konsep MIB.

Semuanya ini dapat membantu memantapkan sahsiah dan jati diri mereka selaku warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Penyertaan dalam perkampungan ini juga dapat mengisi masa lapang para pelajar di musim cuti persekolahan penggal pertama ini dengan aktiviti yang berkebajikan.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Kali Ke-5 Tahun 2011 yang lalu; *"….Golongan belia turut memegang peranan penting untuk merealisasikan kewajipan-kewajipan besar mengangkat nama baik Islam serta melindunginya daripada diusik oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab."*

Peramba / saya difahamkan bahawa program perkampungan ini, telah disertai oleh lebih 400 pelajar yang menjadi ahli pasukan beruniform dari sekolah-sekolah dan maktab-maktab seluruh negara. Setentunya ini adalah satu jumlah penyertaan yang ramai dan amat menggalakkan bagi pihak penganjur untuk menganjurkan lagi perkampungan yang lebih besar pada masa hadapan.



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa berucap pada Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Kokurikulum Melayu Islam Beraja Bagi Pasukan-Pasukan Beruniform Senegara Kali Pertama Tahun 2015 anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja kelolaan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, pada 9 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan 30 Mac 2015 Masihi di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie.**

Peramba / saya juga mengambil maklum bahawa jadual program ini telah disediakan dengan memasukkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan mutakhir serta asas-asas kemahiran seperti pertolongan cemas, perbarisan kawad, ceramah-ceramah motivasi, forum, bengkel kefahaman konsep MIB dan berbagai-bagai aktiviti fizikal yang lasak.

Kita melihat perkampungan seumpama ini dapat mewujudkan nilai integrasi nasional bagi mengukuhkan semangat perpaduan, setia kawan dan kerjasama padu dalam kalangan para peserta. Aktiviti yang dianjurkan pula dapat mencungkil bakat dan daya kepimpinan yang berwibawa dan serba boleh dengan bersandarkan kepada konsep MIB.

Peramba / saya juga dimaklumkan bahawa setiap peserta yang beragama Islam di perkampungan ini telah diberikan cenderamata sebuah mushaf Al-Qur'an yang dijadikan sebagai bahan pengajaran cara-cara membaca Al-Qur'an mengikut tanda-tanda waqaf dan *ibtida* serta penerangan mengenai hukum tajwid yang betul dan sahih.

Mudah-mudahan dengan berkat pemberian mushaf Al-Qur'an berkenaan akan membuka hati para peserta remaja belia untuk terus berjinak-jinak membaca Al-Qur'an secara konsisten kerana membaca Al-Qur'an itu mempunyai kelebihan yang amat tinggi, antaranya Al-Qur'an akan menjadi *qarin* atau teman kepada pembacanya semasa seseorang apabila berada di alam barzakh.

Ini juga bertepatan dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menghendaki supaya setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah celik Al-Qur'an.

Mudah-mudahan keadaan ini akan menepati maksud dari firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam salah satu ayat Al-Qur'an; *"…. Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan hidayat kepada mereka…."*

Peramba / saya melihat rasional mengadakan perkampungan seperti ini dapat mempelbagaikan lagi kaedah atau cara bagi menarik perhatian para belia khususnya pelajar-pelajar sekolah untuk memahami dan seterusnya menghayati nilai-nilai murni yang terkandung dalam konsep MIB.

Para belia yang terdiri daripada pelajar-pelajar semua peringkat persekolahan mesti mempunyai kefahaman yang baik dan tepat mengenai apa dia nilai-nilai murni yang terkandung dalam konsep MIB supaya mereka akan dapat mendukung dan melestarikan kelangsungan harapan negara akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Semoga harapan dan usaha negara untuk menjadikan dan melihat generasi belia hari ini sebagai Generasi Berwawasan bakal menjadi pemimpin masa depan yang memandu Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara maju dan cemerlang, sebuah negara yang aman damai dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala akan tercapai.

Pada mengakhiri ucapan ini, peramba / saya sukacita menyarankan supaya usaha-usaha berkebajikan dan program berfaedah seumpama ini akan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang kerana ia dilihat dapat memberikan impak yang besar dalam kehidupan para belia di negara ini untuk menuju dan mencapai Wawasan Negara Tahun 2035.

Akhirnya, sekali lagi peramba / saya dengan sukacita mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur dan pengelola atas inisiatif yang banyak memberi manfaat ini. Tahniah juga diucapkan kepada para peserta yang akan menerima sijil dan hadiah mereka atas komitmen padu dan kejayaan yang diraih. Semoga usaha-usaha ini mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan mendahulukan kalimah *Tayyibah* Bismillahir Rahman Nirrahim selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam maka peramba / saya sukacita merasmikan Penutupan Perkampungan Kokurikulum MIB Bagi Pasukan-Pasukan Beruniform Senegara Kali Pertama Tahun 2015.

Dengan harapan semoga semua objektif dan tujuan penganjurannya telah dapat dicapai.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang

6 APRIL 2015 BERSAMAAN 1436 جمادى الأخير 16

### ELAK PEMBAKARAN TERBUKA CEGAH JEREBU

**KEADAAN** cuaca yang agak panas dan kering dialami negara sejak beberapa minggu kebelakangan ini telah menyebabkan berlakunya kebakaran hutan belukar sehingga terjadinya jerebu. Apabila terjadinya masalah jerebu, ia boleh menjejaskan kesihatan awam dan mengurangkan jarak penglihatan. Semasa berlaku jerebu Indeks Pencemaran Udara (IPU) akan meningkat ke paras yang sangat bahaya.

Kebiasaannya punca utama masalah jerebu adalah disebabkan pembakaran hutan, membersihkan kawasan untuk pertanian dan menyuburkan tanah selepas selesai kerja penuaian. Selain itu, hutan juga boleh terbakar akibat cuaca yang terlalu panas. Semua ini merupakan punca masalah jerebu. Kadangkala kejadian kebakaran hutan adalah disebabkan oleh tindakan individu yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar apabila sewenang-wenangnya membakar hutan dengan sengaja semasa cuaca kering. Apabila perkara ini terjadi, ia menyebabkan berhektar-hektar hutan musnah dengan sekelip mata. Akibat daripada perbuatan tersebut ia memberikan berbagai-bagai impak negatif dalam kehidupanseharian.

Di samping itu, jerebu juga memberikan kesan yang agak membimbangkan sehingga menjejaskan kesihatan orang ramai, terutama mereka yang mengalami alahan. Mereka yang menghidap penyakit asma berisiko tinggi untuk menghadapi masalah sesak nafas, manakala mereka yang sihat juga mudah mendapat jangkitan batuk, mata gatal dan sakit tekak. Selain itu, pencemaran juga menyebabkan batuk, selesema, mata berair dan asma. Penyakit seumpamanya disebabkan oleh pencemaran udara seperti peningkatan kadar jerebu di udara. Udara tercemar yang mengandungi partikel terampai boleh menjejaskan penafasan, terutamanya kepada mereka yang mengalami alahan.

Jerebu ini juga menyebabkan hasil pertanian terjejas dengan teruk. Tanaman tidak dapat tumbuh dengan subur kerana cuaca kering, di samping kekurangan sumber air. Selain itu, jerebu diburukkan lagi dengan ketiadaan hujan dan cuaca yang lembap membantutkan pertumbuhan tanaman dan seterusnya mengurangkan kualiti pengeluaran.

Walaupun keadaan berjerebu di negara kita sudah bertambah baik, namun Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) menggesa orang ramai agar tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka dan aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan terjadinya kebakaran rumput dan hutan. Selain itu, Kementerian Kesihatan turut menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan IPU sederhana (di antara 50 dan 100), bagi yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala kanak-kanak, warga emas dan mereka yang menghidap asma, penyakit paru-paru dan jantung adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah.

Sementara itu, orang ramai juga dinasihatkan supaya minum air yang mencukupi dan berjumpa doktor di Pusat Kesihatan berdekatan sekiranya terdapat kesan-kesan kesihatan seperti batuk-batuk, selesema, mata pedih dan susah bernafas. Di samping itu, JASTRe juga akan sentiasa memantau situasi dari semasa ke semasa. Orang ramai juga dinasihatkan agar menghubungi talian Hotline 995 untuk melaporkan sebarang kejadian kebakaran rumput dan hutan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat. - **Ketua Penyuntingan (Md).**




SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Perutusan meminang Pengantin Diraja Perempuan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi putera baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah putera-putera dan adinda-adinda baginda. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

**Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohiddin, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj dijunjung untuk menerima pinangan bagi pihak Pengantin Diraja Perempuan.



MAJLIS Istiadat Bersuruh Diraja bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar ke Rumah Kediaman Pengantin Diraja Perempuan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengutuskan rombongan bagi Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar ke Rumah Kediaman Pengantin Diraja Perempuan, di Darul Fadhl, Kampung Beribi, di sini.

Majlis dimulakan dengan Yang Mulia Pengiran Haji Bolkiah bin Pengiran Haji Jaluddin menjunjung anugeraha untuk mengadap Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj bagi menjunjung Yang Amat Mulia untuk menerima pinangan bagi pihaknya.

Sejurus selepas itu, Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Osman menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Kemudian, YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris menyampaikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim mengenai hasrat baginda untuk meminang Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah untuk paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Setelah mendengar akan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris itu, maka YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim menjunjung supaya YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris akan dapat menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM bahawa Yang Mulia Pengiran Haji Bolkiah berserta keluarga menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih di atas hasrat baginda itu.



SUASANA Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Rumah Kediaman Pengantin Diraja Perempuan di Darul Fadhl, Kampung Beribi.

Sementara itu, Yang Mulia Pengiran Haji Bolkiah dan keluarga dengan rendah hati menjunjung setinggi-tingginya pinangan baginda itu.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Setelah Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Osman menyembahkan kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah sempurna dilaksanakan, YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim menyabdakan supaya majlis ditutup.

Juga berangkat dan hadir ialah YAM Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Pendalaman, Duta-Duta Besar, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan serta para jemputan lainnya.



YANG Mulia Pengiran Haji Bolkiah bin Pengiran Haji Jaluddin (dua dari kiri), ayahanda Pengantin Diraja Perempuan.

# UBD terima pelawat komuniti Islam Amerika Syarikat



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar juga menyertai rombongan wakil-wakil komuniti Muslim Amerika.

**Berita dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 3 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada hari Selasa dan Rabu lepas telah menerima kunjungan daripada wakil-wakil komuniti Muslim Amerika Syarikat, yang telah menunjukkan minat dalam penyelidikan di UBD, di samping pertukaran pandangan mengenai undang-undang Islam di kedua-dua rantau ini.

Para pelawat tersebut berada di negara ini bagi lawatan selama empat hari untuk meneroka peluang-peluang perdagangan dan pelaburan, terutama perniagaan dalam Islam di bawah Perjanjian Perdagangan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

Pada hari Selasa lepas, Pengarah Eksekutif Masyarakat Islam Kawasan Dulles, Imam Mohamed Magid dan Pengarah Urusan Elixir Capital, Abrar Hussain telah membuat lawatan ke kampus UBD.

Juga hadir ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Pegawai Ekonomi dari Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam, Allison M. Carragher.

Hadir mengalu-alukan dan mengiringi rombongan sepanjang keberadaan di universiti tersebut ialah Naib Canselor UBD dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi; Penolong Naib Canselor, Dekan dan Pengarah di universiti tersebut.

Delegasi telah dibawa melawat sekitar institut penyelidikan UBD dan diberi pendedahan mengenai aktiviti penyelidikan yang berterusan di universiti itu.

Imam Mohamed Magid dan Abrar Hussain juga mengadakan pertemuan dengan para penyelidik bagi membincangkan pengkomersialan dan peluang paten bagi kajian tenaga termasuk tenaga penjana turbin angin, *DSSE dye-sensitized solar cells* yang menjana kuasa serta kerjasama baru-baru ini mengenai salutan cat dengan Pixela Corporation, Jepun.

Delegasi berkenaan juga menunjukkan minat yang mendalam dalam prospek pengkomersialan penyelidikan UBD dan kagum dengan 'UBD - Gene-P IBM Centre's Gene-P Super Computer' yang pertama di rantau ASEAN - yang dipasang di UBD dan digunakan secara aktif oleh penyelidik UBD.

Sementara itu, pada hari Khamis, 2 April, UBD juga mengendalikan ceramah khusus dari Profesor Undang-Undang di Harvard Law School, Profesor Intisar A. Rabb yang juga Pengarah Program Pengajian Undang-Undang Islam di Harvard University bertajuk 'Isu-Isu Kontemporari Dalam Undang-Undang Islam'.

Profesor Intisar juga terlibat dalam perbincangan akademik mengenai undang-undang Islam bersama para pelajar siswazah dan ahli akademik di UBD.

Menurut Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Profesor Datuk Dr. Osman Bakar, UBD menggalakkan pelajarnya untuk menghadiri ceramah atau kuliah daripada tetamu universiti yang terdiri daripada ahli akademik universiti yang berprestij, di samping melibatkan diri dalam perbincangan intelektual serta mendedahkan mereka kepada perspektif ulama antarabangsa yang berbeza.

"Interaksi intelektual seumpamanya di antara ahli-ahli pelawat akademik dan ahli-ahli akademik UBD akan membantu kedua-dua pihak untuk menghargai perspektif masing-masing dan pendekatan kepada isu-isu budaya, terutamanya yang berkaitan dengan Islam," ujarnya.



PENGARAH Eksekutif Masyarakat Islam kawasan Dulles, Imam Mohamed Magid dan Pengarah Urusan Elixir Capital, Abrar Hussain dari Amerika Syarikat mendengar penerangan semasa meninjau aktiviti penyelidikan di UBD.

# Perkhemahan dedahkan pelbagai kebudayaan Cina



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina bin Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Perkhemahan Kebudayaan Cina.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hamzah Mohiddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 April. - Perkhemahan Kebudayaan Cina selama lapan hari yang bermula 27 Mac 2015 berakhir dengan Majlis Penutup Perkhemahan berkenaan yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada seramai 298 peserta ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Peserta perkhemahan terdiri daripada pelajar Tionghoa dan bukan Tionghoa dari Tahun 1 hingga 12 sekolah berkenaan.

Sepanjang perkhemahan para peserta mempelajari pelbagai kemahiran seperti kaligrafi Cina, seni mempertahankan diri tradisional wushu dan pembuatan kraf tangan yang ditunjukkan oleh 12 orang pelatih dari Bandar Huizhou, Republik Rakyat China.

Majlis penutup diserikan dengan persembahan kebudayaan Tionghoa.

Antara yang hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Puan Yang Jian, pegawai-pegawai kanan kedutaan berkenaan, tenaga-tenaga pengajar dan ibu bapa peserta perkhemahan.




SALAH sebuah tarian tradisional cina yang dipersembahkan pada majlis penutup tersebut.

# Warga BIBD diraikan



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Tahunan BIBD.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**JERUDONG**, Jumaat, 3 April. - Lebih 600 pegawai dan kakitangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) termasuk anak-anak syarikatnya telah diraikan pada Majlis Makan Malam Tahunan BIBD yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka, di sini.

Majlis Makan Malam yang bertemakan 'Malam Nostalgia' itu adalah sebagai penghargaan kepada pencapaian dan kerja keras yang telah dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan BIBD sepanjang tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah yang juga selaku Pengerusi BIBD.

Juga hadir, Ahli Lembaga Pengarah BIBD, Ahli-ahli Badan Penasihat Shariah termasuk Pengarah Urusan BIBD, Javed Ahmad serta kakitangan anak-anak syarikat BIBD, BIBD At-Tamwil dan BIBD Securities.

Seramai 75 pegawai dan kakitangan bank menerima Anugerah Khidmat Kerja Lama.

Majlis turut diserikan dengan persembahan nyanyian oleh para kakitangan BIBD, di samping cabutan nombor bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Majlis Makan Malam Tahunan tersebut memperlihatkan satu lagi mercu tanda dalam sejarah 20 tahun BIBD dalam kewangan Islam, yang diperuntukkan melalui usaha-usaha ketara seperti projek penjenamaan semula produk-produk dan perkhidmatan BIBD yang telah dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam pada itu, BIBD juga telah mempertingkatkan lagi usahanya dalam semua aspek dan telah diberi pengiktirafan antarabangsa antaranya Best Retail Bank in Brunei (The Asian Banker), The Best Bank in Brunei (Global Finance) dan Bank of The Year (The Banker) 2014.

Di samping itu, BIBD juga telah meningkatkan usaha untuk memberikan lagi khidmatnya kepada masyarakat, yang ditunjukkan melalui pelancaran program ALAF (Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future), sebuah program yang membantu menawarkan peluang-peluang pendidikan bagi kanak-kanak yang kurang berkemampuan.

BIBD yang ditubuhkan pada tahun 2005 kini mempunyai lebih 15 cawangan utama di seluruh negara termasuk cawangan 'E-Branch'.



PENGARAH Urusan BIBD, Javed Ahmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

# Peserta projek JENESYS 2.0 Jepun terokai keindahan Brunei



MESYUARAT Laporan Program JENESYS 2.0 telah dihadiri oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki dan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Seramai 25 peserta JENESYS 2.0 yang terdiri daripada 23 pelajar dan dua guru Hachinohe Institute of Technology the Second High School (Aomori Prefecture, Japan) mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam bermula dari 27 Mac hingga 2 April 2015.

Mesyuarat Laporan Program JENESYS 2.0 telah diadakan hari ini di Centrepoint Hotel, Gadong yang dihadiri oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki dan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad.

Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang berada di negara ini termasuklah melawat ke tempat-tempat bersejarah dan memperlihatkan budaya orang Brunei, iaitu Kampong Ayer dan Taman Negara Ulu Temburong selain membuat pembentangan mengenai ekonomi Jepun, sejarah, alam semula jadi, budaya dan masyarakat mereka kepada segelintir pelajar di negara ini.

Para pelajar dari kedua-dua buah negara juga berpeluang untuk saling bertukar-tukar pendapat dan pandangan sekali gus melawat ke syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan perniagaan yang erat di antara kedua-dua buah negara.

Syarikat-syarikat yang dimaksudkan adalah seperti Brunei LNG (BLNG), Hana Soy and World Sendirian Berhad (HSWB) dan Cosmopolitan College of Commerce and Technology.

Tujuan lawatan adalah untuk mempelajari mengenai masyarakat, sejarah, budaya dan alam semula jadi Negara Brunei Darussalam serta mengeratkan lagi hubungan dua hala kedua-dua buah negara.

Projek JENESYS 2.0 adalah Program Pertukaran Belia yang dilaksanakan oleh Kerajaan Jepun pada tahun 2007 tetapi baru bermula pada tahun 2013 dan anggaran seramai 30 ribu belia dari seluruh Asia, Kepulauan Pasifik dan Amerika Utara telah menyertai projek ini.

Negara Brunei Darussalam telah menyertai program tersebut sejak tahun 2013 dan lebih kurang 300 pelajar telah menyertai program berkenaan.

# Pengakap Brunei bantu mangsa banjir di Malaysia

**Oleh : Hamdanajib Haji Domeng**
**Foto : PPNBD**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 Mac. - Terkesan dengan kesengsaraan dan penderitaan yang dihadapi oleh ribuan mangsa musibah bencana banjir besar yang telah melanda negeri-negeri di Malaysia Barat pada penghujung bulan Disember 2014 yang lalu.

Atas dasar persaudaraan sejagat serta misi Perutusan Kedamaian Pergerakan Pengakap Sedunia, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menggerakkan dan menubuhkan Tabung Bantuan Kemanusiaan Bencana Mangsa Banjir, di mana kutipan wang daripada kalangan ahli pengakap serta keluarga pengakap yang sangat prihatin kepada mangsa banjir telah dijalankan selama dua bulan untuk disumbangkan kepada mangsa yang teruk terjejas.

Baru-baru ini rombongan daripada PPNBD yang diketuai oleh Presiden PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Pesuruhjaya Antarabangsa, Abdul Manan bin Haji Abdul Latip dan Pegawai Eksekutif Pengakap, Zainudin bin Haji Ishak telah berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia untuk menyerahkan kutipan tersebut.

Majlis penyerahan wang kutipan hasil sumbangan derma daripada ahli pengakap dan keluarga pengakap yang berjumlah RM53,560 telah disampaikan oleh Dato Paduka Ar. Haji Idris kepada lima orang Ketua-Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri iaitu Negeri Kelantan Darul Naim menerima sebanyak RM13,560; Negeri Terengganu Darul Iman menerima sebanyak RM10,000; Negeri Pahang Darul Makmur menerima sebanyak RM10,000; Negeri Perak Darul Ridzuan menerima sebanyak RM10,000 dan Negeri Johor Darul Ta'zim menerima sebanyak RM10,000 di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur.

Turut hadir menyaksikan adalah Ketua Pengakap Malaysia, Tan Sri Dato Seri Paduka Dr. Haji Mohd. Shafie bin Haji Mohd Salleh serta pegawai-pegawai tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia.

Persekutuan Pengakap Malaysia merupakan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia dalam menangani bencana musibah banjir.

Harapan PPNBD, dengan adanya sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan kehidupan mangsa banjir yang terjejas.

Sebelum itu, pada 25 Januari 2015 yang lalu, PPNBD telah berjaya menghantar bantuan berbentuk makanan kepada mangsa-mangsa bencana banjir yang dialami oleh penduduk di Daerah Limbang, Negeri Sarawak, Malaysia.



SESI bergambar ramai bersama penerima sumbangan.



PRESIDEN PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas menyerahkan sumbangan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Kelantan Darul Naim, Haji Mohd. Adnan bin Hassan Nordin.

# Program Jejak Masjid hayati keindahan alam



ANTARA pengisian program Jejak Masjid 1 termasuklah aktiviti bertadarus Al-Qur'an.

**Oleh : Hamdanajib Haji Domeng**
**Foto : PPNBD**

**BELAIT,** Selasa, 31 Mac. - Seramai 30 peserta program Jejak Masjid 1 terdiri daripada ahli Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana telah menamatkan program tersebut yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Teraban, Daerah Belait.

Para peserta telah menjalani pelbagai kegiatan keagamaan serta kemasyarakatan sepanjang program selama tiga hari dua malam dengan mengadakan aktiviti bertadarus Al-Qur'an, Qiyamullail, Sembahyang Sunat Tasbih, Kuliah Subuh serta kegiatan bercorak latihan fizikal.

Aktiviti juga berkonsepkan kembara ibadah dengan menjejak ke masjid-masjid yang memfokuskan kepada menjaga waktu yang lima bagi menunaikan sembahyang fardu yang wajib.

Peserta program juga berpeluang menjalani jejak kampung dengan berjalan kaki secara *patrol* bagi menjelajah Kampung Sungai Teraban.

Program berkenaan menawarkan lawatan sambil menghayati keindahan alam ciptaan Allah. Berkhidmat secara sukarela kepada masyarakat setempat. Sebelum meninggalkan kawasan masjid, peserta program berkesempatan menanam beberapa batang anak pokok sebagai sumbangan kepada pemeliharaan alam sekitar dan mencantikkan kawasan.

Penganjuran program ini sebagai usaha untuk mempelbagaikan aktiviti pendidikan 'Non Formal' yang menarik bagi ahli pengakap yang berteraskan kepada persetiaan pengakap, iaitu taat kepada Allah.



PARA peserta program Jejak Masjid 1 semasa sesi bergambar ramai.

# 1,292 kes kesalahan jalan raya dicatat bulan Mac 2015

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah merekodkan sebanyak 1,292 kes atas pelbagai kesalahan lalu lintas dalam beberapa Operasi Penguatkuasaan Lalu Lintas di sepanjang bulan Mac 2015.

Daripada jumlah tersebut, JSKLL Gadong merekodkan sebanyak 1,243 kes, manakala JSKLL Cawangan Batu 3, Belait merekodkan 49 kes.

Sehubungan itu, JSKLL telah mengambil tindakan ke atas para pemandu yang telah didapati melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas semasa mengadakan operasi penguatkuasaan mahupun semasa rondaan penguatkuasaan lalu lintas.

PDB juga menekankan kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa
ini, di samping hendaklah sentiasa
serta berhati-hati ketika berada di jalan raya terutama sekali dalam keadaan cuaca

Orang ramai dinasihatkan supaya memandu dengan berhati-hati serta berwaspada dan mematuhi peraturan lalu lintas yang dikuatkuasakan bagi memastikan kemalangan dapat dielakkan. Pada musim jerebu ini juga adalah dinasihatkan supaya lampu kereta dinyalakan semasa memandu dan sentiasa berwaspada terhadap keadaan jalan di hadapan.

# Tinjau perusahaan perekonomian MPK Daerah Temburong

**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**TEMBURONG**, Rabu, 1 April. - Perusahaan-perusahaan perekonomian yang dikendalikan oleh beberapa buah Majlis Perundingan Kampung (MPK) di daerah ini mendapat perhatian semasa kunjungan dari Persatuan Ibu Bapa / Guru (PIBG) Sekolah Ugama Katimahar ke daerah ini.

Rombongan seramai lebih 40 ahli PIBG sekolah berkenaan berserta keluarga masing-masing itu diketuai oleh Yang Di-Pertua PIBG Sekolah Ugama Katimahar, Awang Haji Mohd. Ahmad bin Bohari.

Lawatan bermula ke MPK Senukoh, Mukim Labu bagi menyaksikan proses pembuatan Mi Kuning Senukoh, berlangsung di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Terdahulu, rombongan mendengarkan taklimat ringkas mengenai kampung berkenaan, disampaikan oleh Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin yang antara lain menjelaskan tentang aktiviti perekonomian Kampung Senukoh.

Katanya, MPK Senukoh telah mengusahakan pembuatan mi kuning basah sebagai produk pilihan dan salah satu projek utama di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang diusahakan sepenuhnya oleh golongan wanita di kampung berkenaan.

Perusahaan tersebut ujarnya, telah mencapai matlamatnya untuk membukakan peluang pekerjaan kepada ibu-ibu tunggal dan golongan belia di kampung berkenaan yang berpendapatan rendah.

Sejak pelaksanaan projek itu juga katanya lagi, MPK Senukoh telah berjaya membekalkan hasil produk mi kuning kepada penduduk setempat, pengusaha restoran-restoran di daerah ini, malah menerima tempahan dari luar daerah.

Dari MPK Senukoh, rombongan meneruskan lawatan ke MPK Batu Apoi, Mukim Batu Apoi bagi menyaksikan lebih dekat cara-cara pemprosesan ambulong, produk utama di bawah projek 1K1P bagi Kampung Batu Apoi.

Lawatan diteruskan ke MPK Puni, Pekan Bangar, di mana rombongan berpeluang menyaksikan demonstrasi pemprosesan telur masin yang dihasilkan oleh Biro Wanita MPK Puni, satu perusahaan yang begitu mendapat tempat dalam kalangan penggemar telur masin.

MPK Belais dan Buda-Buda di Mukim Bokok juga tidak ketinggalan untuk dikunjungi oleh rombongan PIBG Sekolah Ugama Katimahar bagi menyaksikan demonstrasi pembuatan kuih penyaram dan cucur kulat, diadakan di Kawasan Riadah dan Memancing Kampung Belais dan Buda-Buda.

Rombongan mengakhiri lawatan dengan menyaksikan demonstrasi pembuatan kerepek ubi kentang dan biskut-biskut yang diusahakan oleh Biro Wanita MPK Rataie, Mukim Bokok, di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok.

Lawatan yang diadakan bersempena cuti penggal persekolahan ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara ibu bapa dan guru serta kakitangan sekolah berkenaan dengan para penduduk bagi MPK yang dilawati.

Dengan adanya lawatan seperti ini juga akan dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengenali lebih dekat lagi Daerah Temburong terutama produk-produk yang dihasilkan di daerah ini.



**SEBAHAGIAN daripada ahli Persatuan Ibu Bapa / Guru (PIBG) Sekolah Ugama Katimahar ketika menyaksikan demonstrasi pembuatan Mi Kuning Senukoh semasa lawatan ke MPK Senukoh.**

# Lawatan sambil belajar ke Polis Marin



**SERAMAI 50 ahli daripada kumpulan Pandu Puteri dan Pandu Puteri Tunas Daerah Brunei dan Muara (DBM) membuat lawatan ke Polis Marin, Muara diketuai oleh Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri DBM, Dayang Noriah binti Haji Dollah.**

**Oleh : Dk. Vivi Malessa Pg. Ibrahim, Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**MUARA,** Khamis, 2 April. - Seramai 50 orang ahli daripada kumpulan Pandu Puteri dan Pandu Puteri Tunas Daerah Brunei dan Muara (DBM) mengadakan lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat Polis Marin, di sini.

Lawatan tersebut diketuai oleh Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri DBM, Dayang Noriah binti Haji Dollah.

Aktiviti seumpama ini bertujuan untuk mengisi masa lapang ahli-ahli persatuan tersebut bersempena dengan musim cuti penggal pertama persekolahan yang merupakan kesinambungan daripada 'Day Camp' yang telah diadakan pada 1 April 2015.

Rombongan terdiri terdiri daripada ahli-ahli Pasukan Pandu Puteri kerajaan dan Pandu Puteri Tunas daripada sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Adalah diharapkan dengan lawatan tersebut dapat memberi peluang dan pengalaman yang luas serta memberikan faedah yang berguna kepada ahli-ahli persatuan tersebut pada masa akan datang.

# Pengakap Tunas lawat RTB



**AHLI Pengakap Tunas Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) semasa dibawa melawat ke beberapa bahagian di Radio Televisyen Brunei.**

**Oleh : Hamdanajib Haji Domeng**
**Foto : PPNBD**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 Mac. - Pelbagai program yang berfaedah serta menarik boleh dirancang bagi mengisi masa lapang semasa cuti sekolah yang baru bermula pada minggu ini.

Sempena bermulanya musim percutian sekolah kali ini telah digunakan sepenuhnya oleh ahli Pengakap Tunas Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke Radio Televisyen Brunei (RTB).

Seramai 22 ahli Pengakap Tunas dari Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata dan Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok dengan diiringi oleh Pemimpin Pasukan Pengakap Tunas, Dayang Hajah Nor Rahmat Sidin dan Pesuruhjaya Ibu Pejabat Pengakap Bahagian Pengakap Tunas, Dayang Hajah Noraini binti Haji Saidi serta beberapa orang Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap Tunas.

Ketibaan rombongan ini telah disambut oleh pegawai RTB dan diberi penerangan mengenai peranan RTB kepada masyarakat. Ahli-ahli Pengakap Tunas ini sangat teruja untuk mengetahui serta melihat sendiri bagaimana fungsi radio dan televisyen di dalam kehidupan mereka seharian.

Ahli rombongan juga berkesempatan melihat bagaimana program televisyen Rampai Pagi yang diminati setiap pagi dikendalikan untuk disiarkan secara langsung terus di kaca televisyen dan seterusnya beramah mesra dengan pengacara Rampai Pagi.

Seterusnya rombongan turut dibawa melawat ke beberapa bahagian di RTB.

Dengan pendedahan serta pengalaman yang dialami semasa lawatan tersebut, ahli-ahli Pengakap Tunas dapat merasai dan memahami bagaimana peranan dan tanggungjawab seorang penyampai DJ radio dan pengacara televisyen mengendalikan tugasan mereka dengan penuh komited dalam menyampaikan segala maklumat yang terkini serta memberi hiburan kepada kita.

# IHP Februari 2015 menurun

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 31 Mac. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Februari 2015 menurun 0.4 peratus berbanding Januari 2015.

Penurunan sebanyak 1.6 peratus telah dicatatkan bagi Pengangkutan disebabkan oleh kos yang rendah bagi pembelian kereta serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara. Pendidikan juga menurun sebanyak 2.4 peratus berikutan disebabkan oleh penurunan yuran sekolah swasta yang terpilih bagi pendidikan peringkat rendah serta pendidikan peringkat teknikal dan vokasional. Rekreasi dan Kebudayaan juga menurun sebanyak 0.6 peratus disebabkan oleh harga yang rendah bagi peralatan audio-visual serta buku-buku.

Sementara itu, peningkatan sebanyak 0.8 peratus telah dicatatkan bagi Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan disebabkan oleh kenaikan harga bagi barangan kemas serta lain-lain perkhidmatan. Makanan dan Minuman Ringan juga meningkat sebanyak 0.1 peratus disebabkan oleh peningkatan harga pada ikan dan makanan laut (1.2 peratus), susu, produk tenusu dan telur (0.4 peratus), sayur-sayuran (0.3 peratus) serta produk makanan lain (0.5 peratus).

Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain meningkat sebanyak 0.1 peratus disebabkan oleh kos yang tinggi bagi barangan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman.

IHP bagi Februari 2015 menurun 0.8 peratus berbanding Februari 2014 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks Pakaian dan Kasut; Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah; dan Rekreasi dan Kebudayaan.

IHP merupakan petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2015 boleh diperolehi melalui laman sesawang JPKE : *www.depd.gov.bn*.

# Sektor Akuakultur mampan bila diusaha dengan kepakaran

**Oleh : Musa Mohidin dan Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

DISEBUT saja perkataan 'industri', ramai yang akan terfikir pada saiz sesebuah industri itu dan dari situ fokus mereka akan teringatkan pada perusahaan yang berupaya menghasilkan pendapatan yang besar-besaran.

Secara spontan ramai akan kaitkan perkataan tersebut dengan sektor minyak dan gas disebabkan sudah terbiasa dengan kewujudannya sejak beberapa dekad.

Kita juga terbiasa teringatkan sektor minyak dan gas sebagai pihak yang mengisi ruang dan erti industri disebabkan peranannya sebagai sumber kemakmuran negara.

Apabila ditanya pada seseorang di tempat terbuka, sektor perusahaan manakah lagi yang boleh dikaitkan dengan istilah-istilah seperti 'berdaya saing', 'berdaya tahan' dan 'mapan', jarang sekali kita akan menerima jawapan orang berkenaan secara spontan.

Biasanya, orang yang ditanya itu akan mengambil masa beberapa saat untuk memberikan respons dan itupun kebanyakannya dimulakan dengan bunyi yang bukan perkataan seperti, "Mmm…", ataupun "Hmm…"

Sekalinya bercakap pun orang yang ditanya itu akan berkata, "Entah ah…"

Sebenarnya, istilah-istilah seperti itu boleh merujuk pada mana-mana sektor dalam industri. Walaupun setiap sektor berbeza namun setiap satu yang dikelola oleh perusahaan swasta adalah bermatlamat untuk meraih keuntungan bersih yang besar, menyebarluaskan kehadirannya di pasaran (*increase market share*), dan menjadi syarikat terkemuka (*leading company*) di dalam sektornya.

Tinjauan kita kali ini adalah merujuk pada syarikat bernama Golden Corporation Sendirian Berhad.

### Sejarah Ringkas

Golden Corporation Sendirian Berhad adalah syarikat yang ditubuhkan oleh pelaburan langsung luar negeri (FDI) berikutan dari undangan Semaun Marine Resources Sendirian Berhad yang berhasrat untuk memajukan sesebuah Pusat Pemprosesan Sumber-Sumber Laut Serba Guna dan Perniagaan (Multi-Purpose Marine Resources Processing and Business Centre) di Kampung Serambangun, Daerah Tutong pada tahun 2010.

Pusat tersebut yang siap dibina pada tahun 2012 adalah merupakan pusat pemprosesan makanan laut pertama di Negara Brunei Darussalam yang dilengkapi dengan peralatan teknologi terkini.

Pada masa ini, nilai pelaburan yang dibuat oleh Golden Corporation Sendirian Berhad bagi operasi niaganya di sini adalah melebihi BND30 juta.

Semaun Marine Resources Sendirian Berhad itu sendiri adalah syarikat perniagaan dalam bidang penetasan udang dan ikan yang ditubuhkan pada tahun 2002.

Memandangkan kelebihan Golden Corporation Sendirian Berhad adalah terletak pada pengalamannya yang luas dalam bidang akuakultur maka penglibatannya dengan Semaun Marine Resources Sendirian Berhad sebagai rakan niaga strategik adalah tindakan tepat.

Sejak itu, kedua-dua pihak memajukan industri akuakultur di negara kita secara bersepadu, di mana operasi perniagaan Golden Corporation Sendirian Berhad merangkumi peringkat hiliran (*upstream*), huluan (*downstream*), pembuatan makanan untuk ternakan laut, penternakan ikan dan udang, dan pemprosesan dan penghantaran produk-produk siap ke pasaran dalam negeri dan luar negara.

### Pengendalian Operasi

Golden Corporation Sendirian Berhad mengendali ladang udang seluas 300 hektar, di mana operasi perniagaannya adalah termasuk membekalkan udang-udang yang baru menetas dan makanan bagi ternakan laut kepada pihak pengusaha tempatan. Syarikat tersebut juga menyediakan sokongan beli balik dan perkhidmatan proses lanjutan di kilang pemprosesannya.

Di samping menternak udang dan memproses makanan laut, syarikat tersebut juga menangkap ikan di kawasan laut lebih dalam di perairan negara kita dengan menggunakan 20 buah kapal miliknya sendiri di mana setiap sebuah dilengkapi dengan teknologi terkini seperti sistem sonar yang berupaya mengelak penangkapan ikan lumba-lumba.

Justeru, Golden Corporation Sendirian Berhad memiliki sijil yang mengiktirafnya sebagai syarikat yang tidak menangkap ikan lumba-lumba.

### Kakitangan

Menurut Pengarah Urusannya, Tuan Richard Chuang, 70 peratus kakitangan yang berkhidmat di kilang pemprosesan Golden Corporation Sendirian Berhad adalah warga tempatan, manakala selebihnya adalah warga asing.

"Kita akan mengambil lebih ramai lagi warga tempatan kerana pengembangan syarikat kami dalam menternak udang di tapak seluas jumlah 500 hektar adalah dijadual memulakan operasi dalam masa tiga tahun," kata beliau.

### Penubuhan Golden Corporation Sendirian Berhad

Menurut Tuan Richard Chuang beliau telah mengamati bahawa sumber marin belum digunakan sepenuhnya disebabkan ketiadaan kilang pemprosesan yang lengkap. Justeru, beliau mendapat ilham untuk menubuhkan Golden Corporation Sendirian Berhad berasaskan hakikat tersebut.

"Tangkapan laut oleh para nelayan tempatan adalah dibahagikan pada dua kategori, iaitu ikan-ikan yang dipasarkan dan ikan-ikan yang tidak sesuai dipasarkan. Bagi ikan-ikan yang dipasarkan, para nelayan boleh menjualnya ke pasar-pasar tempatan. Bagi ikan-ikan yang tidak sesuai dipasarkan pula, para nelayan mempunyai idea terhad tentang bagaimana memanfaatkan ikan-ikan itu. Untuk mengatasi kesukaran ini, para nelayan tempatan bolehlah menjual ikan-ikan yang tidak sesuai dipasarkan itu kepada kami," kata Pengarah Urusan.

"Ikan-ikan yang tidak sesuai dipasarkan akan diproses semula dan ditukar menjadi produk yang mempunyai nilai tambah di kilang pemprosesan kami," kata beliau.

Justeru, perniagaan utama Golden Corporation Sendirian Berhad adalah akuakultur dan pemprosesan makanan laut. Kerja-kerja yang dikendali adalah termasuk menternak, menangkap dan memproses semula semua jenis sumber laut.

Bekalan ikan adalah daripada penangkapan ikan oleh syarikat itu sendiri dengan menggunakan 20 buah kapal syarikat dan tangkapan berlebihan dari para nelayan tempatan.

Menurut Tuan Richard Chuang, Negara Brunei Darussalam memiliki ekosistem marin yang baik yang sesuai untuk perniagaan akuakultur. Ini kerana persekitaran baik seperti itu boleh menghasilkan produk-produk makanan laut yang berkualiti untuk dieksport ke pasaran antarabangsa.

"Ini juga akan meningkatkan lagi kesedaran di pasaran antarabangsa mengenai jenama buatan Brunei," kata Pengarah Urusan.

"Melalui kilang pemprosesan Golden Corporation Sendirian Berhad, kami membantu mengurangkan pencemaran laut dan mengekalkan alam sekitar semula jadi untuk hidupan laut dan ekosistem Negara Brunei Darussalam. Selain itu, kami juga membantu menubuhkan industri marin dan perikanan yang sihat dan mampan," kata beliau.

### Pengeksportan Produk

Menurut Tuan Richard Chuang udang-udang biru (*blue shrimp*) yang diternak secara organik oleh Golden Corporation Sendirian Berhad adalah bebas daripada antibiotik, pengawet, bakteria berbahaya dan logam berat.

"Kami mengendali kilang pemprosesan makanan laut mentah sendiri yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan dari hujung ke akhir yang menghasilkan produk makanan laut yang berkualiti tinggi," kata beliau.

Menurut Pengarah Urusan, pihak syarikat beliau menitikberatkan kualiti produk, keselamatan dan kebolehkesanan.

"Syarikat kami mempunyai sistem pengesanan lengkap yang diguna pakai dari proses penetasan sehinggalah ke peringkat penghantaran yang menjamin integriti udang-udang biru. Semua proses dan pengeluaran adalah diurus menggunakan sistem pengeluaran yang telus dan bersepadu yang dipantau dengan teliti oleh makmal kami agar memastikan udang-udang biru kami menepati piawaian antarabangsa," kata Tuan Richard Chuang.

Golden Corporation Sendirian Berhad telah dianugerahkan dan mencapai dua pensijilan iaitu SGS ISO22000 dan HACCP.

"Kedua-dua pensijilan tersebut menjadikan ladang udang biru Golden Corporation Sendirian Berhad yang pertama di dunia yang dianugerahkan pensijilan organik Kesatuan Eropah dan China dan ini membuktikan bahawa sistem pengurusan makanan kami adalah menepati piawaian tertinggi," kata beliau.

Pencapaian seumpama itu memberikan peluang bagi Golden Corporation Sendirian Berhad memasuki pasaran antarabangsa dan dalam negeri. Syarikat tersebut telah mengeksport produknya ke pasaran antarabangsa sejak tahun 2012.

Bagi pasaran antarabangsa, produk Golden Corporation Sendirian Berhad dieksport ke Jepun, China, Taiwan, Hong Kong, Vietnam, Malaysia, Thailand, Republik Korea, Filipina, Indonesia, Singapura, Australia dan Amerika Syarikat.

Syarikat tersebut berhasrat untuk memasuki pasaran Eropah dan Timur Tengah.

"Dengan mendapatkan pensijilan halal bagi produknya, ini memberikan kami pembukaan tambahan bukan saja untuk memenuhi pasaran tempatan tetapi juga untuk dimanfaatkan apabila mengeksport ke negara-negara Muslim yang lain yang mempunyai permintaan tinggi bagi produk-produk halal," kata Pengarah Urusan.

"Ini akan menambah tahap rangkaian pelanggan kami memandangkan terdapat 1.6 bilion Muslim di seluruh dunia dari jumlah penduduk dunia keseluruhan yang 6 bilion," kata Tuan Richard Chuang.

### Bantuan Pihak Kerajaan

Menurut Pengarah Urusan, satu masa dahulu syarikat beliau mengalami kesukaran mengeksport ke sesebuah negara luar yang disebabkan perihal permit import. Mujurlah Jabatan Perikanan menghubungi pihak berkuasa di negara berkenaan dan tindakan tersebut telah menyelesaikan kesukaran yang dialami.

Di samping itu, jabatan-jabatan lain seperti Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga telah memberi peluang pada Golden Corporation Sendirian Berhad untuk menyertai pameran dan ekspo pemakanan di luar negara.

"Kami juga telah diundang oleh syarikat-syarikat dalam industri yang berkaitan dari luar negara untuk menyertai lawatan sambil belajar agar membolehkan kami melaksanakan idea-idea bermanfaat pada perniagaan kami," kata Tuan Richard Chuang.

### Produk dan Perkhidmatan

Golden Corporation Sendirian Berhad mengeluarkan produk dan menyediakan perkhidmatan berikut.

Bagi operasi kilang pemprosesan mentah, syarikat tersebut memproses semua jenis produk makanan laut, membuat makanan ikan, minyak ikan, makanan akuatik, surimi (sejenis campuran yang lembut dan licin yang diperbuat daripada ternakan marin yang dihancurkan untuk dijadikan produk seperi bebola ikan), dan ais batu.

Bagi operasi penetasan, syarikat tersebut menternak anak-anak ikan dan udang.

Bagi akuakultur udang, syarikat tersebut mempunyai ladang-ladang udang di Keramut (keluasan 70 hektar), Telisai (keluasan 28 hektar) dan Penyatang (keluasan 200 hektar).

Syarikat tersebut memiliki 20 kapal penangkap ikan yang berlesen untuk menangkap sumber laut di zon-zon marin di perairan Negara Brunei Darussalam.

Bagi pengeluaran produk-produk yang mempunyai nilai tambah, syarikat tersebut membuat makanan ringan berasaskan makanan laut (*seafood snacks*), potongan tuna beku, tuna gred Sashimi, bebola ikan beku (*frozen fish balls*), kek ikan beku (*frozen fish cakes*) dan tuna cincang dibentuk menjadi bulat dan rata *(tuna patty)*, udang yang sudah diproses dan produk-produk makanan laut yang lain.

Ke muka 8




PENGARAH Urusan Golden Corporation Sendirian Berhad, Tuan Richard Chuang mendapati bahawa sumber marin belum digunakan sepenuhnya di negara kita disebabkan ketiadaan kilang pemprosesan yang lengkap. Justeru, beliau mendapat ilham untuk menubuhkan Golden Corporation Sendirian Berhad berasaskan hakikat tersebut.




GOLDEN Corporation Sendirian Berhad menternak udang biru (Rostris Shrimp) dan mengeksportnya ke luar negara. Kebetulan, hanya dua negara di dunia yang menternak jenis udang tersebut di mana Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah daripadanya.

Dari muka 7

"Selain dari itu, kami juga memberikan khidmat kepakaran teknikal, membekalkan bahan-bahan mentah dan menyediakan sokongan bagi para pengusaha tempatan yang menubuhkan ladang-ladang ikan atau udang," kata Pengarah Urusan.

**Cabaran mendapatkan kakitangan tempatan**

Oleh sebab akuakultur adalah sektor perusahaan yang baharu di Negara Brunei Darussalam, maka syarikat tersebut mengalami sedikit cabaran dalam pengambilan kakitangan tempatan yang memiliki kepakaran yang diperlukan.

"Warga tempatan mengalami pendedahan yang terhad pada perusahaaan akuakultur dan perikanan. Oleh itu, mereka memiliki pengetahuan dan pengalaman terhad untuk memainkan peranan penting dalam perusahaan-perusahaan ini," kata Tuan Richard Chuang.

Golden Corporation Sendirian Berhad menangani cabaran seumpama ini dengan memberikan latihan dan pengetahuan kepada para kakitangannya yang terdiri daripada warga tempatan.

"Kami merancang untuk mengambil lebih banyak lagi kakitangan tempatan, sama ada mereka berkemahiran atau tidak. Ini adalah salah satu misi syarikat kami, iaitu untuk menyediakan dan menambah peluang-peluang pekerjaan bagi warga tempatan di Negara Brunei Darussalam," kata Pengarah Urusan.

**Cabaran mengeksport**

Menurut Tuan Richard Chuang, cabaran terbesar bagi Golden Corporation Sendirian Berhad ialah logistik.

"Pertama sekali, Brunei mengimport lebih banyak dari mengeksport. Oleh itu, jumlah syarikat logistik yang bersedia untuk di Brunei adalah terhad dan ini menghadkan pilihan kami untuk memilih perkhidmatan yang lebih baik untuk para pelanggan kami," kata beliau.

"Kedua, kos mengeksport produk kami adalah mahal. Ini adalah kerana kekurangan perkhidmatan laluan terus ke pelabuhan-pelabuhan yang ditetapkan dan beberapa laluan perkapalan pula perlu transit untuk sampai kepada pelanggan-pelanggan kami. Ini seterusnya memanjangkan tempoh untuk mengangkut dan meningkatkan kos," kata Pengarah Urusan.

**Cabaran Menubuhkan Golden Corporation Sendirian Berhad**

Menurut Pengarah Urusan, cabaran terbesar yang pernah dialami dalam menubuhkan Golden Corporation Sendirian Berhad ialah perihal mencari lokasi yang bersesuaian.

"Memandangkan kami menternak hidupan laut, maka kami mestilah memastikan agar udang dan ikan yang diternak tetap segar dalam perjalanan dari ladang ke pusat pemprosesan. Oleh sebab itulah cabaran kami ialah untuk memastikan sumber-sumber marin sampai ke kilang pemprosesan dalam masa yang singkat," kata Tuan Richard Chuang.

Menurut beliau, lokasi kilang pemprosesannya yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Industri Brunei (BINA) merupakan salah sebuah lokasi yang terbaik untuk Golden Corporation Sendirian Berhad.

"Jarak dari ladang-ladang utama kami ke kilang pemprosesan mengambil masa perjalanan selama 15 minit. Kami bolehlah memastikan udang-udang dari ladang dapat diproses dalam masa sejam. Inilah standard yang diguna pakai oleh Golden Corporation Sendirian Berhad untuk sentiasa mengekalkan kesegaran dan kualiti terbaik bagi produk-produk makanan laut kami," kata Pengarah Urusan.

"Selain itu, tangkapan laut kami adalah sedikit, manakala kos bahan-bahan mentah pula adalah tinggi," kata Tuan Richard Chuang.

"Pada masa ini, kilang pemprosesan kami beroperasi dalam sebahagian kecil sahaja dari kapasiti sepenuhnya. Kalaulah kami dapat menambah jumlah bahan-bahan mentah, kami boleh membuat lebih banyak lagi produk untuk pasaran tempatan dan antarabangsa, dan itu juga akan mengurangkan tekanan disebabkan memikul kos operasi yang tinggi bagi pengendalian kilang pemprosesan kami," kata beliau.

Di samping itu, beliau berkata, kos mendapatkan bahan-bahan mentah adalah tinggi jika dibandingkan dengan harga pasaran antarabangsa.

"Ini adalah disebabkan sumber-sumber laut di Negara Brunei Darussalam belum digunakan sepenuhnya kerana jumlah kapal menangkap ikan yang membekalkan bahan-bahan mentah untuk kami adalah terhad," kata Tuan Richard Chuang.

"Ini menambah lagi kesukaran kami untuk beroperasi dan berdaya saing dalam mempromosikan Jenama Unggul Brunei (Brunei Premium Brand) di pasaran antarabangsa," kata beliau.

"Di samping itu, kami juga mengalami isu lesen operasi yang terhad. Pada masa ini, Golden Corporation Sendirian Berhad masih memiliki lesen yang terhad untuk mengendalikan operasi sepenuhnya," kata Pengarah Urusan.

Menurut beliau, kalau syarikatnya dibolehkan memohon lebih banyak lagi lesen operasi maka pihak beliau boleh meningkatkan pengeluaran.

"Ini akan membolehkan kami mendapatkan lebih banyak lagi bahan-bahan mentah dan lantaran, meningkatkan pengeluaran produk jenama buatan Brunei ke pasaran-pasaran dalam negeri dan antarabangsa," kata Tuan Richard Chuang.

Mujurlah, kata beliau, Golden Corporation Sendirian Berhad menikmati sokongan kuat dari pihak-pihak berkuasa seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Jabatan Perikanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, BINA dan Semaun Holdings Sendirian Berhad.

**Rancangan Jangka Masa Sederhana**

"Kami merancang untuk menyiapkan projek yang diberikan dan memulakan operasi ladang udang sebelum tarikh yang ditetapkan. Menjelang akhir tahun ini, kami berharap untuk menyiapkan pembangunan dan memulakan sepenuhnya operasi ladang udang 200 hektar di Penyatang yang diberikan oleh KPSSU," kata Tuan Richard Chuang.

"Dalam masa tiga tahun, kami merancang untuk melengkapkan sebuah lagi tapak ladang seluas 200 hektar yang diberikan oleh BEDB," kata beliau.

Menurut Pengarah Urusan, strategi pertumbuhan Golden Corporation Sendirian Berhad melibatkan memperluaskan kemudahan pengeluaran makanan laut untuk menghasilkan lebih banyak lagi produk yang mempunyai nilai tambah dengan menggunakan sumber-sumber marin.

"Fokus utama ialah meningkatkan pengeluaran barisan produk-produk yang sedia ada dan melaksanakan barisan produk-produk nilai tambah yang baru," kata beliau.

"Dalam pada itu, Golden Corporation Sendirian Berhad akan meningkatkan bahan-bahan mentah sama ada dengan mendapatkan lebih banyak kapal menangkap ikan atau dengan mengimport dari negara-negara lain dan dengan itu meningkatkan pengeluaran," kata Tuan Richard Chuang.

**Pelan Jangka Masa Panjang**

Memandangkan permintaan produk makanan laut yang mempunyai nilai tambah adalah tinggi bagi memenuhi keperluan setiap orang dalam setiap lapisan masyarakat, Golden Corporation Sendirian Berhad merancang untuk menceburi lebih banyak produk makanan laut runcit bernilai tambah sebagai bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran meluas.

Menurut Tuan Richard Chuang, Golden Corporation Sendirian Berhad akan terus meningkatkan pengeluaran, mempromosikan Jenama Unggul Brunei di pasaran antarabangsa dan mengusahakan agar produk-produk syarikat beliau terdapat di semua pasaran runcit terkemuka.

Syarikat tersebut juga berusaha untuk menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran global dan membuat jenamanya dikenali ramai.

"Dengan mendedahkan jenama Golden Corporation Sendirian Berhad di luar negara, kami berharap agar produk-produk kami akan dikaitkan dengan Negara Brunei Darussalam," kata Tuan Richard Chuang.

Perihal menanamkan persepsi ke dalam pemikiran para pengguna antarabangsa mengenai hubung kait udang biru (Rostris Shrimp) dengan Negara Brunei Darussalam adalah berasaskan fakta bahawa hanya dua negara di seluruh dunia yang menternak jenis udang tersebut dan negara kita adalah salah sebuah darinya.

"Dengan menamakan udang Rostris sebagai 'Udang Biru Brunei', kami akan dapat mengongsikan pesanan kepada para pengguna bahawa udang organik berwarna biru itu adalah digaul dalam persekitaran yang bersih di Negara Brunei Darussalam," kata Pengarah Urusan.

Di samping itu, Golden Corporation Sendirian Berhad berhasrat untuk menjadi jenama terkenal dalam industri perdagangan makanan laut.

"Untuk mencapai wawasan itu, kami perlu meningkatkan jumlah eksport agar sentiasa berupaya membekalkan ke pasaran-pasaran yang sedia ada," kata Tuan Richard Chuang.

"Kita juga perlu melakukan inovasi untuk mengeluarkan produk-produk nilai tambah yang baharu untuk menembusi pasaran-pasaran baharu," kata beliau.

"Perniagaan marin Golden Corporation Sendirian Berhad adalah perniagaan yang mampan. Memandangkan sumber-sumber marin di perairan Brunei adalah banyak, kami berharap untuk menggunakannya dengan baik dan mendatangkan makanan yang lazat dan sihat kepada para pengguna," kata Pengarah Urusan.

"Dengan berlangsungnya perancangan ini, Golden Corporation Sendirian Berhad memberi peluang kepada rakyat Brunei untuk berkongsi wawasan yang sama dan meraih kemanfaatannya bersama," kata beliau.

"Dengan perkembangan ladang-ladang dan pusat pemprosesan, Golden Corporation Sendirian Berhad mampu menjana 500 peluang pekerjaan kepada rakyat Brunei," kata Tuan Richard Chuang.

"Golden Corporation Sendirian Berhad akan menjadi sebuah syarikat di mana para kakitangannya akan mempunyai jaminan pekerjaan dan membina kerjaya mereka. Kami berusaha untuk menjadi sebuah syarikat di mana para kakitangannya berbangga berkhidmat bersama kami," kata beliau.

"Selain itu, Golden Corporation Sendirian Berhad mempunyai sebuah program untuk membantu generasi muda untuk melibatkan diri dalam industri akuakultur agar satu hari nanti mereka boleh dilatih untuk mempunyai kerjaya di peringkat pengurusan atau bahkan menjadi pemimpin dalam industri ini," kata Pengarah Urusan.

"Dengan berkongsi cita-cita negara ini, Golden Corporation Sendirian Berhad berharap dapat meningkatkan eksport produk marin dan seterusnya menjadi komoditi yang paling dieksport selepas minyak dan gas," kata Tuan Richard Chuang.

**Pemindahan Kepakaran dan Teknologi**

Menurut Pengarah Urusan Golden Corporation Sendirian Berhad, pemindahan kepakaran dan teknologi kepada kakitangan tempatan dilakukan melalui latihan dan penempatan bagi menjalani latihan amali. Sejak beroperasi sepenuhnya, pihak syarikat telah melatih ramai warga tempatan, di mana kebanyakannya adalah penuntut Sekolah Vokasional Wasan dengan menyediakan program latihan di kilang pemprosesan syarikat tersebut.

"Syarikat kami memberikan program latihan dan penempatan bagi menjalani latihan amali yang berlangsung dari empat hingga 12 minggu. Tujuan latihan dan penempatan adalah untuk membolehkan para peserta mendapatkan latihan dan mengetahui kelebihan dan kelemahan mereka dalam program ini," kata Tuan Richard Chuang.

"Selepas latihan, mereka boleh menentukan samada mereka berminat untuk berkhidmat dengan syarikat kami selepas tamat pengajian. Syarikat kami bersedia untuk menerima mereka yang telah menjalani latihan dan penempatan untuk menjadi pekerja tetap dalam pelbagai jawatan yang terdapat dalam syarikat," kata beliau.

"Pada tahun ini, Golden Corporation Sendirian Berhad bersetuju untuk menyediakan biasiswa kepada para pelajar Sekolah Vokasional Wasan yang cemerlang akademik untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang sains perikanan di Taiwan," kata Pengarah Urusan.

"Sejajar dengan Wawasan 2035, Golden Corporation Sendirian Berhad ingin menyediakan platform untuk melatih rakyat Brunei ke peringkat pengurusan melalui latihan dan menyediakan pendidikan di luar negara," kata Pengarah Urusan.

"Ini akan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Brunei dan menyumbang ke arah menubuhkan ekonomi yang mampan untuk negara," kata Tuan Richard Chuang.

**Kesimpulan**

Golden Corporation Sendirian Berhad memiliki beberapa kelebihan yang boleh dimanfaatkannya untuk menjadi syarikat terkemuka dalam sektor akuakultur di Negara Brunei Darussalam.

Pertama, syarikat tersebut menikmati sokongan kuat dari pihak berkuasa di negara kita.

Kedua, syarikat tersebut merupakan syarikat pertama di Negara Brunei Darussalam yang memiliki kilang pemprosesan makanan laut bersepadu yang dilengkapi dengan teknologi moden dan kepakaran khusus dalam bidang pemprosesan akuakultur dan makanan laut.

Ketiga, syarikat tersebut adalah syarikat yang pertama di dunia yang dianugerahkan dua pensijilan antarabangsa. Pensijilan berkenaan mengiktiraf ladang udangnya sebagai perusahaan yang mempunyai sistem pengurusan makanan yang menepati piawaian tertinggi.

Keempat, syarikat tersebut menternak udang biru (Rostris Shrimp). Kebetulan, hanya dua negara di dunia yang menternak jenis udang tersebut di mana Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah daripadanya.

Apabila kelebihan-kelebihan tersebut dimanfaatkan dengan betul, satu hari nanti Golden Corporation Sendirian Berhad boleh menjadi syarikat terkemuka di dalam dan luar negara disebabkan keupayaanya mengembangkan skop pasarannya.

Kebetulan, produk-produk yang dikeluarkan oleh Golden Corporation Sendirian Berhad juga merangkumi makanan yang dibungkus (*packaged foods*) seperti bebola ikan, udang yang sudah diproses, makanan laut yang siap sedia dan sebagainya.

Lantaran, tidak mustahil dalam masa beberapa tahun akan datang Golden Corporation Sendirian Berhad akan menikmati jualan yang bernilai ratusan juta Dollar Amerika memandangkan salah sebuah strategi pertumbuhannya ialah memperluaskan kemudahan pengeluaran makanan laut untuk menghasilkan lebih banyak lagi produk yang mempunyai nilai tambah dengan menggunakan sumber-sumber marin.

Kemungkinan ini menjadi lebih ketara disebabkan salah sebuah pelan jangka masa panjangnya ialah melaksanakan inovasi agar dapat mengeluarkan produk-produk nilai tambah yang baharu untuk menembusi pasaran-pasaran baharu.

Juga tidak mustahil dalam masa beberapa tahun akan datang Golden Corporation Sendirian Berhad akan membesar menjadi salah sebuah syarikat gergasi kebanggaan negara kita.

Ini boleh menjadi realiti memandangkan sektor akuakultur adalah perusahaan yang mampan dan Golden Corporation Sendirian Berhad itu sendiri pun mempunyai cita-cita besar seperti yang diharapkan dari sesebuah firma swasta.




**DI SAMPING mengendali perniagaan akuakultur, Golden Corporation Sendirian Berhad juga mengeluarkan makanan yang dibungkus (*packaged food*) seperti bebola ikan, udang yang sudah diproses, makanan laut yang siap sedia dan sebagainya.**




## سمفنا ڤركهوينن دراج

# ڤرنكاحن اداله سُنَّه رسول الله

ماريله كيت منيڠكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دڠن ملاكوكن سکل سوروهنڽ دان منيڠݢلكن سکل لاراڠنڽ. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برإيمان دان برتقوى سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

سوده منجادي لومره عالم، ستيڤ يڠ دجاديكن الله سبحانه وتعالى ايت برڤاسڠن٢، سباݢيمان يڠ برلاكو كأتس مأنسي، دجاديكن اد للاكي دان اد ڤرمڤوان. هيدوڤ برڤاسڠن اين اداله دأنتارا سبسر٢ نعمة الله سبحانه وتعالى كڤد مأنسي دان جوك مخلوقڽ يڠ لاين. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الحجرات أية ١٣:

**تفسيرڽ:**

**واهي مأنسي! سسڠݢوهڽ كامي تله منچيڤتاكن كامو درڤد لاكي٢ دان ڤرمڤوان، دان كامي تله منجاديكن كامو برباݢي بڠسا دان ڤواق سڤاي كامو بركنل٢لن.**

سسڠݢوهڽ ڤرنكاحن دان ڤركهويننڽ ايت اداله ڤركارا يڠ دشريعتكن ددالم إسلام يڠ مروڤاكن ساله ساتو تنتوتن دان سُنَّه رسول الله صلى الله عليه وسلم، سباݢيمان حديث بݢندا:

**مقصودڽ:**

**دري عائشة رضى الله عنها اي بركات: تله برسبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: ڤركهوينن ايت اداله سُنَّهْكو، سسياڤ يڠ تيدق سوك مڠيكوت سنهكو مك بوكنله دي دري ݢولوڠن أومتكو.**

ڤركهوينن ايت ممڤوڽاي بايق حكمة، دأنتاراڽ:

**ڤرتام:** أنتوق مڠكلكن دان منروسكن ذورية مأنسي دموك بومي اين دان ستروسڽ مراميكن مأنسي، كران بݢندا رسول الله صلى الله عليه وسلم اكن بربڠݢا دڠن أومة بݢندا يڠ رامي دأخيرة ننتي. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**مقصودڽ:**

**دري معقل بن يَسار، دي بركات: تله برسبدا نبي صلى الله عليه وسلم: بركهوينله كامو دڠن وانيتا يڠ ڤڠاسيه دان سوبور، كران اكو اكن بربڠݢا دڠن جمله كامو يڠ رامي.**

**كدوا:** أنتوق منجاݢ كحرماتن ديري. سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

**مقصودڽ:**

**دري عبدالله بن مسعود رضى الله عنه اي بركات: رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا كڤد كامي: واهي اورڠ٢ مودا! برڠسياڤ يڠ بركواس أنتارا كامو انتوق بركهوين، مك بركهوينله، سسڠݢوهڽ ڤركهوينن ايت ملمبوتكن ڤنداڠن دان منجاݢ كحرماتن دان برڠسياڤ يڠ تيدق ممڤو، مك برڤواس له كران ڤواس ايت بوله ملمبوتكن شهوة.**

**كتيݢ:** ممودهكن داتڠڽ رزقي. سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

**دري عائشة رضى الله عنها، تله برسبدا نبي صلى الله عليه وسلم: بركهوينله كامو كران ڤرمڤوان ايت جوك منولوڠ كامو منچاري هرت اتو بوله منولوڠ كامو منچيمتكن هرت.**

**كأمڤت:** منتنترامكن جيوا، هيدوڤ بهاݢيا دڠن أمان دامي، بركاسيه سايڠ دان چينتا منچينتاٴي. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الروم أية ٢١:

**تفسيرڽ:**

**دان أنتارا تندا٢ ككواسأنڽ بهوا دي منچيڤتاكن باݢي كامو إستري٢ درڤد جنيس كامو سنديري سڤاي كامو چندروڠ دان مراس سنڠ كڤداڽ دان دجاديكنڽ دأنتارا كامو سوامي إستري ڤراسأن كاسيه سايڠ دان رحمة ( بلس كاسيهن ). سسڠݢوهڽ ڤد يڠ دمكين ايت بنر٢ ترداڤة تندا٢ ككواسأن الله باݢي قوم يڠ ماهو برڤيكير.**

**كليم:** أنتوق منمبه قوم قرابة، ممڤرهوبوڠكن صلة الرحم أنتارا ساتو دڠن لاين.

ممندڠكن ڤرنكاحن اداله سوات يڠ دݢالقكن دان دتنتوت ددالم إسلام، مك اداله سسواي ڤرنكاحن ايت دلاكوكن دتمڤة يڠ مليا سڤرت مسجد كران دڠن يڠ دمكين دهارڤكن ڤرنكاحن ترسبوت اكن سنتياس منداڤة بركة دان ڤرليندوڠن درڤد الله سبحانه وتعالى.

الحمدلله، ڤد ماس اين مشاركة كيت تله رامي يڠ ملڠسوڠكن ڤرنكاحن دمسجد. اكن تتاڤي ڤرلو دأمبيل ڤرهاتين جك مجلس عقد نكاح دأداكن دمسجد، مك ڤاسڠن ڤڠنتين دان ڤارا أهل كلوارݢ هندقله سنتياس منجاݢ أداب٢ كتيك براد دمسجد. مريك هندقله دالم كادأن منوتوڤ عورة، دان جك باكل ڤڠنتين ڤرمڤوان اتو مان٢ ڤرمڤوان يڠ دجمڤوت حاضير كمجلس ڤرنكاحن ايت دالم كادأن حيض، مك تيدقله ڤرلو براد دمسجد كران ڤرمڤوان يڠ حيض اداله حرام حكومڽ مماسوقي مسجد.

مدهمداهن ڤرنكاحن يڠ دلاكوكن برداسركن كهندق شرع ايت اكن داڤة ملاهيركن كلوارݢ يڠ بهاݢيا دان ستروسڽ مڠوجودكن مشاركة يڠ هرموني سرت منداڤة كبركتن دان كريضأن الله سبحانه وتعالى.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

سباݢيمان يڠ كيت معلوم بهوا إستعادة ڤركهوينن دراج دأنتارا يڠ ترامة مليا ڤادك سري دولي ڤڠيران مودا عبدالملك إبن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادك سري بݢندا سلطان حاج حسن البلقية معز الدين والدولة دڠن يڠ مليا دايڠكو رابعة العَدَوِيَّة بنت ڤڠيران حاج بلقيه اكن برلڠسوڠ ڤد بولن اين. إستعادة اين مروڤاكن انتارا دتيق برسجاره باݢي نݢارا بروني دارالسلام يڠ اكن منجادي ريستأن سڤنجڠ زمان. مك برسمڤنا دڠن كيت مراعيكن إستعادة ڤركهوينن دراج اين، ماريله كيت سام٢ مناده تاڠن كحضرة الله سبحانه وتعالى، مندعاءكن أݢر كدوا ممڤلاي درج سنتياس منداڤة كبركتن دان كرنياكن دڠن سکل كبايكن ددنيا دان دأخيرة. آمين يا رب العالمين.

**تفسيرڽ:**

**دان كهوينكنله اورڠ٢ بوجڠ لاكي٢ دان ڤرمڤوان درڤد كالڠن كامو دان درڤد كالڠن همبا٢ كامو يڠ لايق بركهوين، لاكي٢ دان ڤرمڤوان. جك مريك ڤقير، الله اكن مڠورنياكن كممڤوان كڤد مريك درڤد ليمڤه كرنياڽ بركة ڤركهوينن ايت. دان الله مها لواس ليمڤه كرنياڽ لاݢي مها مڠتهوي.**

# Gerbang Istiadat Perkahwinan Diraja tersergam indah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 3 April. - Suasana persiapan bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah semakin terasa kesibukannya dalam menempuh hari yang sangat bersejarah itu.

Bagaimanapun, majlis yang penuh dengan adat istiadat diraja itu juga sangat dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, insyaaAllah akan dimulakan dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang akan berlangsung pada hari Ahad, 15 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan 5 April 2015 Masihi.

Manakala Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja pula akan dilangsungkan pada hari Ahad, 22 Jamadilakhir 1436H bersamaan 12 April 2015M.

Sebagai rasa syukur dan memberkati lagi majlis istiadat ini nanti, Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga pada hari Isnin, 16 Jamadilakhir 1436H bersamaan 6 April 2015M, sementara Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga akan diadakan pada hari Rabu, 25 Jamadilakhir 1436H bersamaan 15 April 2015M.

Rakyat dan penduduk negara ini khususnya di keempat-empat daerah telah membuat persediaan rapi bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Istiadat Perkahwinan Diraja yang akan berlangsung selama 11 hari itu.

Setiap premis-premis bangunan dan persekitarannya termasuk kedai-kedai dan jalan-jalan utama sebahagiannya sudah dihiasi indah dengan lampu-lampu cucul serta kain-kain rentang dengan pelbagai corak dan warna.

Ini termasuk pemasangan pintu-pintu gerbang yang menghiasi suasana persekitaran bandar dan jalan di keempat daerah.

Antara lokasi-lokasi gerbang yang dibina termasuklah berhadapan Istana Nurul Iman; Jalan Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah; Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan lain-lain.

Sementara itu, rumah-rumah persendirian, institusi pendidikan, bangunan-bangunan kerajaan, sektor swasta juga mula mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin, 16 Jamadilakhir 1436H bersamaan 6 April 2015M hingga hari Rabu, 25 Jamadilakhir 1436H bersamaan 15 April 2015M.

Bagi Pengiran-Pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka, orang-orang yang dikurniakan gelaran mengibarkan bendera masing-masing dan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi orang ramai serta di bangunan kementerian dan jabatan masing-masing.

Pembinaan gerbang-gerbang tersebut akan lebih menyemarakkan dan menceriakan lagi suasana istiadat yang penuh bermakna itu nanti.

Suasana seumpamanya jelas menunjukkan bahawa semua lapisan masyarakat di negara ini sama-sama teruja dan memberikan sokongan padu ke arah memeriahkan lagi istiadat berkenaan.






ALLAH PELIHARAKAN PENGANTIN DIRAJA ... Pembinaan gerbang-gerbang menyemarakkan dan menceriakan lagi suasana istiadat yang penuh bermakna itu.

# Golongan memerlukan terima rumah bantuan

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**LUMUT,** Sabtu, 4 April. - Dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini terutama bagi golongan masyarakat yang memerlukan bantuan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi perhatian penuh akan kebajikan golongan berkenaan.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyerahan Sijil Pembinaan Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin kepada seorang penerima bantuan di Daerah Belait, iaitu Awang Rosli bin Mohammad berlangsung di Kampung Sungai Taring, Mukim Liang, di sini.

Awang Rosli menerima sebuah rumah bantuan jenis B2 bertiang, tiga bilik.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid Zainab, Awang Aminordin bin Yusof.

Projek pembinaan rumah tersebut merupakan projek bantuan perumahan yang diungkayahkan di bawah satu jawatankuasa yang diselaraskan oleh JPM bersama dengan Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pembinaan bagi rumah berkenaan adalah dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Kumpulan Wang Zakat dan inisiatif bantuan perumahan tersebut menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan masyarakat yang memerlukan bantuan dan ahli keluarga mereka.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian yang terlibat, penghulu dan ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Lumut II dan ahli keluarga penerima bantuan.





SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman menyampaikan sijil rumah bantuan kepada penerima, Awang Rosli bin Mohammad (atas), sementara gambar kanan, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman menyampaikan sumbangan dari Tabung Amal Daerah Belait kepada Awang Rosli.

# Allah Peliharakan Pengantin Diraja







الله ڤليهاراكن ڤڠنتين دراج

*Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni*
*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*
*Dengan*
*Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah*

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohiddin

# Istiadat Perkahwinan Diraja

إستعادة ڤرکهوينن دراج



## Penglibatan kegiatan agama dan sosial

### Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Norliah Md. Zain, Ak. Jefferi Pg. Durahman

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sememangnya aktif melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan keagamaan mahupun sosial yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Dengan kewibawaan dan ketokohan Yang Teramat Mulia telah dilantik menjadi Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi tempoh bermula 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2017.

Sebagai seorang pemimpin begitu prihatin terhadap perkembangan organisasi yang dipimpinnya, YTM berkenan meninjau dan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang dianjurkan oleh organisasi yang sinonim dengan aktiviti amal dan kemasyarakatannya. YSHHB sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda serta menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Saban tahun, YTM lazimnya dijunjung untuk menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dikelolakan oleh YSHHB. Dalam majlis tersebut, YTM juga lazimnya berkenan mengurniakan sabda.

YTM dalam sabdanya menekankan perlunya kurma itu diagihkan kepada seluruh umat Islam di negara ini.

"Janganlah sampai terdapat sebarang aduan dari kalangan umat Islam di negara ini, yang menyatakan bahawa mereka masih belum atau tidak menerima kurma kurnia peribadi paduka ayahanda itu," sabda YTM pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tahun 2014.

Perkara ini haruslah diambil perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkenaan, sabda YTM, kerana jika masih terdapat aduan sedemikian, bermakna bukan sahaja kita telah gagal dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan, tetapi juga bererti bahawa hasrat paduka ayahanda untuk melihat seluruh umat Islam di negara ini menikmati kurma kurnia peribadi baginda itu sebagai juadah berbuka puasa tidak akan tercapai, tambah YTM.

Selain menyempurnakan majlis pelancaran pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda YTM, YTM juga telah berkenan berangkat turun padang bagi meninjau sendiri fasiliti YSHHB, mencerminkan keprihatinan YTM terhadap usaha rancangan YSHHB.

Antaranya pada 27 Januari 2015, YTM telah berkenan berangkat membuat lawatan kerja ke Sekolah YSHHB. Sekolah YSHHB yang terdiri daripada Taman Asuhan Kanak-Kanak, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah menawarkan perkhidmatan pendidikan dari peringkat Kelas Bimbingan Kanak-Kanak (Nursery / Kindergarten) hingga Menengah Tahun 11, dan kelas bagi pengajian Sekolah Ugama (Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama) di bawah satu bumbung.

Selain itu, YTM juga sering kali berkenan berangkat bagi sama-sama menyertai aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh YSHHB. Antaranya pada 8 Oktober 2014, YTM telah berkenan berangkat pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-22.

Selain itu, YTM juga tidak ketinggalan dalam sama-sama menyertai Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Puja Usia paduka kakanda YTM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Ke-41 Tahun. YSHHB merupakan Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA).

YTM juga berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja sebagai satu kegiatan tahunan YSHHB bagi menyemarakkan bulan suci Ramadan dengan kegiatan yang mubarak yang penuh ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Tidak ketinggalan, YTM juga turut berangkat bagi menyertai kegiatan Majlis Bertadarus, Khatam Al-Qur'an dan Bertahlil Sempena Bulan Ramadan 1435 Hijrah / 2014 Masihi anjuran YSHHB.

Selain berangkat sebagai tetamu kehormat pada acara anjuran YSHHB, YTM juga lazim berangkat bagi mengiringi paduka ayahanda dan bonda YTM, bersama-sama paduka-paduka kakanda, adinda dan kerabat diraja yang lain seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB. Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB ini mengetengahkan unsur-unsur kemasyarakatan yang mana para peserta pada majlis ini adalah terdiri daripada kelompok-kelompok yang telah dikenal pasti yang berkepentingan dalam menjana kesejahteraan bersama.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika menjalani penempatan kerja di Jabatan Perdana Menteri.

Selain aktif pada acara anjuran YSHHB, YTM juga tidak ketinggalan aktif dalam kegiatan sosial yang lain. Antaranya, YTM berangkat selaku wakil peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka kakanda YTM, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah bagi menyempurnakan majlis kurnia peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1435H / 2014M kepada golongan tertentu bagi Daerah Tutong. Golongan tertentu itu adalah terdiri daripada Golongan Orang Berkeperluan Khas (OBK), anak-anak yatim, penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dan penerima Bantuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

**PETI TAWARAN TERTUTUP**
**TINGKAT 4**
**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

| TAWARAN | | WAKTU MELIHAT BARANG - BARANG LELONGAN | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| DIBUKA | DITUTUP | TARIKH | JAM | |
| 01.04.2015 | 06.04.2015 | Rabu, 01 April 2015<br>Khamis, 02 April 2015<br>Sabtu, 04 April 2015<br>Isnin, 06 April | 8.00 pagi - 12.00 Tengahari Dan 2.00 Petang - 4.00 Petang | Jabatan Kemajuan Perumahan Cawangan Surapit |

| KETERANGAN BARANG-BARANG LELONGAN | JUMLAH UNIT | TEMPAT |
|---|---|---|
| Mesin Rumput Sikut | 16 | Jabatan Kemajuan Perumahan Cawangan Surapit |

## NOTIS JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP

**PETI TAWARAN TERTUTUP**
**TINGKAT 4**
**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

| TAWARAN | | WAKTU MELIHAT BARANG - BARANG LELONGAN | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| DIBUKA | DITUTUP | TARIKH | JAM | |
| 01.04.2015 | 06.04.2015 | Rabu, 01 April 2015<br>Khamis, 02 April 2015<br>Sabtu, 04 April 2015<br>Isnin, 06 April | 8.00 pagi - 12.00 Tengahari Dan 2.00 Petang - 4.00 Petang | Jabatan Kemajuan Perumahan Cawangan Surapit |

| KETERANGAN BARANG-BARANG LELONGAN | JUMLAH KENDERAAN | TEMPAT |
|---|---|---|
| Isuzu Light Truck | 1 | Jabatan Kemajuan Perumahan Cawangan Surapit |

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG BERKELULUSAN SAHAJA, KATEGORI P02 SAHAJA**

**HINGGA JAM 2.30 PETANG :**
**14 APRIL 2015 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : HARI SELASA :**
**28 APRIL 2015**

**BIL : JKR/DWS/008/2015**
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 500 TON METRIK SODIUM SILICOFLOURIDE KE LOJI-LOJI RAWATAN AIR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**JUMLAH YURAN TAWARAN : BND50.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI KELAS V & VI DI BAWAH KATEGORI KA01 / B01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**13 APRIL 2015 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : HARI SELASA,**
**21 APRIL 2015**
**HINGGA JAM : 2.00 PETANG**

**BIL : JKR/DTS/09/SAR/2015-T/VI**

**DESIGN AND BUILD FOR 'PEMBINAAN INFRASTRUKTUR PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA FASA II, KAMPUNG GADONG BARU, MUKIM BATU APOI**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :**
**BND1,000.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

***Syarat-Syarat Tawaran :***

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**JUALAN LELONG**
**SECARA TERTUTUP**
**BAGI PERALATAN / PERKAKAS**
**JABATAN TANAH**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat Swasta dan orang awam di Negara Brunei Darussalam yang berminat untuk membuat **LELONG** secara tertutup bagi **34 peralatan komputer kepunyaan Jabatan Tanah.**

1. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dan dimasukkan ke dalam :

**PETI TAWARAN**
**JABATAN TANAH**
**(TINGKAT 4)**
**LAPANGAN TERBANG LAMA**
**BERAKAS**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

2. Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat pada hari **Selasa, 21 April 2015, jam 2.30 Petang.**

3. Borang sebut harga, syarat-syarat dan keterangan lanjut boleh diperolehi di Tingkat 4 Bahagian Kewangan, Pejabat Pesuruhjaya Tanah Bangunan Jabatan Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas ataupun Pejabat Tanah Tutong pada bila-bila masa waktu bekerja.

4. Syarikat-syarikat dan orang awam yang berminat untuk turut serta membuat tawaran boleh hadir untuk melihat peralatan komputer yang hendak dilelong pada tarikh dan jam berikut :-

**Tarikh: 06, 07, 08, 09, 11, 13, 14, 15, 16 April 2015**
**Jam: 9.00 Pagi hingga 11.30 Tengah Hari**
**Jam: 2.00 Petang hingga 3.30 Petang**
**Tempat: Bangunan Jabatan Kerajaan, Pejabat Tanah Tutong**

5. Borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sarung surat yang disediakan dan bertutup rapi (sealed) tanpa membubuh nama penawar di luar sampul surat tersebut.

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran rosak dan tawaran secara pos tidak akan dilayan.

7. Syarat-syarat Tawaran ada disertakan bersama Borang sebut harga yang disediakan.

8. Senarai peralatan 34 unit seperti berikut :

**1. CPU berbagai jenis (HP Brio, Dell Optiplex G1, Digital Ventures, IBM, IBM Netvista, HP Brio, HP Vectra VE, ATEC - 8 unit**

**2. Monitor berbagai jenis (HP,REDIANC, DIGITAL ,ATEC, IBM DELL) - 9 unit**

**3. Printer berbagai jenis (HP Deskjet 1120c / 1280, Canon BJC-200O SP, CANON, HP Officejet, Lexmark Optrar, Lexmark Lexmark Optra M410, Xerox Document p1202, Canon 1X4000 Lexmark X1185) - 12 unit**

**4. Keyboard berbagai jenis (HP, DELL) - 3 unit**

**5. Scanner (Acer Scanner Prisa 340P) - 2 unit**

**Jumlah : 34 unit**

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/48/2015**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **YATEMI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **BUDI WIYONA** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **IBU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/47/2015**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORJANAH BINTI KERIA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **NUR AMIERA FAZIERAH BINTI AMINORRAHMAN @NOREAIN SOPIA LIYANA** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **IBU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/46/2015**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **EDITHA PAULE PALINES** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CRISENCIO DAVID EVARISTO** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 18 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/225/2015**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANGKU ZAINAB BINTI PENGIRAN HAJI TUAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN HAJI TAUH BIN PENGIRAN HAJI MUHAMED** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/48/2014(A)**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI AISAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MUSTARI** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/52/2015**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAMID @ ABDUL HAMID BIN HAJI KADIR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI KADIR BIN HAJI JUMAHAT** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 14 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. LA/53/2014**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ABDUL KADIR BIN SHEIKH HAJI YAHYA** dan **HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SHEIKH YAHYA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SHEIKH YAHYA BIN SHEIKH AISH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 21 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. PROBATE 11/2015**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIM ENG ANN** dan **LIM CHIU TEE** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ANG GEM TEE** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **CUCU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 APRIL 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 18 Mac 2015

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO. TEMB/LA/01/2012**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANGKU MARIAM BINTI PENGIRAN HAJI MATASSAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AMPUAN HAJAH LAUYAH BINTI AMPUAN YASSIN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 31 MAC 2015 pada 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Mac 2015

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)**
**Penolong Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darussalam**

---

PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN :
KPSU/EDC/SH/01/2015

TAJUK TAWARAN :
TERM CONTRACT OF 12 MONTHS FOR GRASS CUTTING AND SITE CLEANING AT ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT CENTER AND NATIONAL STANDARD CENTRE, MINISTRY OF INDUSTRY AND PRIMARY RESOURCES

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP TAWARAN :
16 APRIL 2015
HARI : KHAMIS

JAM : 2.00 PETANG

TARIKH TAKLIMAT : 11 APRIL 2015
HARI : SABTU JAM : 9.00 PAGI

TEMPAT : KM33, PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN KG. SINAUT, JALAN TUTONG TB1741

TARIKH TUTUP PEMBAYARAN DAN MENGAMBIL BORANG : 9 APRIL 2015
HARI: KHAMIS JAM : 2.00 PETANG

**Dibuka kepada Pemborong-pemborong dalam kelas I dan II dalam kategori 4C dan S03 sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Perhubungan.**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut :-

***Pengerusi,***
***Jawatankuasa Sebut Harga***
***Peti Sebut Harga, Tingkat Bawah***
***Kementerian Perindustrian dan***
***Sumber-Sumber Utama***
***Jalan Menteri Besar BB3910***
***Negara Brunei Darussalam***

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti Syarikat / Pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Pusat Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, KM 33, Kampung Sinaut, Jalan Tutong TB1741, Negara Brunei Darussalam.**

5. Harga Dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **$10.00 (tidak dikembalikan)** bagi setiap tawaran pada waktu berkerja :-

**Hari Isnin hingga Khamis**
**8.00 Pagi - 11.30 Pagi**
**1.30 Petang - 3.00 Petang**
**Hari Sabtu 8.00 Pagi - 10.00 Pagi**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan Kad Pengenalan hendaklah disertakan bersama.

**JABATAN PERBEKALAN DAN STOR NEGARA**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**BILANGAN TAWARAN:**
**JPSN/TND/1.2015**
**THE TRANSPORTATION, LOADING, UNLOADING AND STACKING OF THE GOODS**
**FOR THE DEPARTMENT OF SUPPLY AND STATE STORES,**
**MINISTRY OF FINANCE**
**FOR THE PERIOD OF THREE (3) YEARS**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah.

2. Syarikat-syarikat yang berminat hendaklah membuat pembayaran bagi yuran tawaran berjumlah **$500.00** dan yuran e-Dokumen berjumlah **$5.00** dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cekera padat (CD) daripada:

**KAUNTER PEMBAYARAN**
**TINGKAT BAWAH**
**JABATAN PERBEKALAN**
**DAN STOR NEGARA**
**JALAN GADONG BE 1110**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Pada waktu bekerja seperti berikut :
**HARI ISNIN HINGGA HARI KHAMIS DAN HARI SABTU**
**PAGI - Jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**PETANG - Jam 1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

**BILANGAN TAWARAN:**
**JPSN/TND/1.2015**
**THE TRANSPORTATION, LOADING, UNLOADING AND STACKING OF THE GOODS**
**FOR THE DEPARTMENT OF SUPPLY AND STATE STORES, MINISTRY OF FINANCE**
**FOR THE PERIOD OF THREE (3) YEARS**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN NEGARA**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**
**COMMONWEALTH DRIVE**
**BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara yang disediakan di Ruang Lobi, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan **tidak lewat jam 2.00 Petang, 20 April 2015.**

5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

---

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**IKLAN SEBUT HARGA**

**1. (BILANGAN SEBUT HARGA : JKN/BPB/3/2015)**

**1.1 PERKHIDMATAN KAWALAN BINATANG DAN PERUSAK (PEST CONTROL) DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI MAHKAMAH BESAR BRUNEI BAGI TEMPOH 12 BULAN (OPTION 1)**

**1.2 PERKHIDMATAN KAWALAN BINATANG DAN PERUSAK (PEST CONTROL) DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI MAHKAMAH BESAR BRUNEI BAGI TEMPOH 36 BULAN (OPTION 2)**

**SESI PENERANGAN (INFORMATION DAY)**
**HARI: SELASA**
**TARIKH: 28 APRIL 2015**
**JAM : 2.30 PETANG**
**TEMPAT: RUANG LEGARA BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI MAHKAMAH BESAR JALAN RAJA ISTERI PENGIRN ANAK SALEHA, BANDAR SERI BEGAWAN**

**2. (BILANGAN SEBUT HARGA : JKN/BPB/4/2015)**

**KERJA-KERJA *THE DESIGN, SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF ADDITIONAL EXTERNAL AND INTERNAL SIGNAGE FOR BRUNEI SUPREME COURT AND SYARIAH COURT BUILDING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM***

**SESI PENERANGAN (INFORMATION DAY)**
**HARI: SELASA**
**TARIKH: 28 APRIL 2015**
**JAM : 9.00 PAGI**
**TEMPAT: RUANG LEGARA BANGUNAN MAHKAMAH BESAR BRUNEI DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH JALAN STONEY, BSB8610, BANDAR SERI BEGAWAN**

**TARIKH TERAKHIR MENDAPATKAN DOKUMEN SEBUT HARGA IAITU PADA 27 APRIL 2015**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : HARI SELASA, 5 MEI 201**

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada pemborong / syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai sijil **Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah.**

2. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang **tertutup rapi (sealed)** dengan hanya menyatakan tajuk Sebut Harga yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada :-

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Kehakiman Negara**
**Jabatan Perdana Menteri, Pintu 'D' Tingkat 1**
**Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah**
**Jalan Stoney**
**Bandar Seri Begawan BS8610**
**Negara Brunei Darussalam**

3. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa, 5 Mei 2015.**

4. Yuran Sebu Harga adalah **$5.00 (Lima Ringgit Brunei Sahaja)** bagi setiap Sebut Harga dan tidak akan dikembalikan kepada pemborong / syarikat sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar Sebut Harga yang sah (*bona-fide Quotation)*

5. Yuran Sebut Harga dan Dokumen Sebut Harga boleh dibayar dan diperolehi melalui **Kaunter Bahagian Kutipan Hasil di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan** pada hari dan waktu yang dinyatakan di bawah :-

**Isnin hingga Khamis:**
**8.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang - 3.15 Petang**

**Sabtu : 8.00 Pagi - 10.30 Pagi**

6. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Bahagian Pentadibran, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam** dengan membawa resit bayaran resit bayaran bagi yuran Sebut Harga berkenaan**.**

7. Pemborong / syarikat yang ikut serta dikehendaki menghantar dokumen Sebut Harga dalam **dua (2) salinan** berserta dengan keterangan yang berkaitan dengan Sebut Harga dan salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta - Akta Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Name Act) mestilah disertakan.

8. Sebut Harga-Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat atau menerima Sebut Harga yang terendah atau lain-lain Sebut Harga yang tidak perpatutan.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut mengenai Sebut Harga Bangunan Jabatan Kehakiman Negara atau melalui talian telefon **2221455 / 2221600 samb. 209.**

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Keterangan Projek :**
**PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN LETAK KERETA DI BAWAH KAWALAN JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**Bilangan Tawaran :**
**BBS/TLK-7/2015-2016**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa, 14 April 2015.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari :

**Bahagian Projek, Aras 2**
**Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria**
**Jalan McKerron Kuala Belait**
**Negara Brunei Darussalam**

5. Yuran dokumen adalah dikehendaki **sebanyak BND300.00 (Ringgit Brunei Tiga Ratus Sahaja)** bagi tiap-tiap tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait. Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut :

**Pada Hari Isnin hingga Hari Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan dari jam 2.00 Petang hingga 3.00 Petang. Pada Hari Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi dan tutup pada hari Jumaat, Hari Ahad dan Hari-hari Kelepasan.**

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Pemborong dikehendaki menghadapkan **Sijil Pendaftaran** yang menunjukkan bahawa Pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

**Tarikh Akhir mengambil Dokumen Tawaran pada : 13 April 2015 (Isnin), Tarikh Tutup : 14 April 2015 (Selasa)** dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Tingkat 1, Jalan James Pearce**
**Bandar Seri Begawan**
**Negara Brunei Darussalam BS8610**

# HUBUNGI KAMI DI 123

123 TALIAN DARUSSALAM

**OPERASI**
BEROPERASI 24 JAM SEHARI

**PERKHIDMATAN**
ADUAN
PERTANYAAN
MAKLUMAT

PUSAT PANGGILAN KEBANGSAAN BAGI PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG BUKAN BERBENTUK KECEMASAN UNTUK ORANG RAMAI

- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
- JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
- JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
- E-DARUSSALAM
- PSC RECRUITMENT

website: www.123.gov.bn | email: info@123.com.bn

ڤوست کبڠسائن إي-کراجائن

E-GOVERNMENT NATIONAL CENTRE | PRIME MINISTER'S OFFICE

# Brunei - Viet Nam teroka pelbagai kerjasama bidang pendidikan

**REPUBLIK VIET NAM**, Khamis, 2 April. - Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Viet Nam kali pertama diharap akan mengukuhkan lagi hubungan pendidikan di antara kedua-dua buah negara dan seterusnya membawa faedah bagi kedua-dua negara.

Mewakili Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Mesyuarat yang diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan dan Latihan di Hanoi itu dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam dan Naib Menteri Pendidikan dan Latihan, Viet Nam, Dr. Bui Van Ga.

Antara bidang yang berpotensi bagi kerjasama yang dibincangkan termasuk projek-projek bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta latihan.

Pada mesyuarat tersebut, Timbalan Menteri Pendidikan turut mengongsikan pembangunan pendidikan Negara Brunei Darussalam yang terkini terutamanya transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan Latihan (TVET) ke sebuah Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang baharu, satu sistem yang dibina atas asas pendidikan di bawah SPN21 dan ditempatkan sebagai laluan baharu pendidikan lepasan menengah bagi lepasan sekolah, di samping membantu membina tenaga kerja yang lebih berpendidikan dan mahir serta melengkapkan lepasan sekolah bagi pekerjaan dan kerjaya dalam industri.

Timbalan Menteri Pendidikan juga menekankan, pembangunan semasa dalam SPN21 di mana pelbagai program telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi sistem pendidikan di negara ini, iaitu kemajuan yang dicapai dalam bidang literasi dan numerasi; pembangunan kepimpinan; pembangunan keseluruhan ICT sekolah (WSID) di Brunei dan Piawaian Guru-Guru Brunei (BTS) yang baharu dilancarkan dan lain-lain lagi.

Mesyuarat yang julung kalinya diadakan itu merupakan hasil daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua buah negara pada 9 April 2014 lalu di Negara Brunei Darussalam.

Semasa mesyuarat itu, perjanjian telah dicapai dalam beberapa cadangan projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang yang mana beberapa projek tersebut termasuk program pertukaran untuk kedua-dua pelajar dan guru-guru; hubungan dan pertukaran ilmu pengetahuan, teknologi, kejuruteraan dan pendidikan matematik; pertukaran maklumat dan bahan dalam pengalaman pendidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Selain menghadiri mesyuarat, Timbalan Menteri Pendidikan dan delegasi juga mengadakan lawatan ke Hanoi University of Industry dan Hanoi-Amsterdam High School for the Gifted yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan Latihan Hanoi.

Antara yang menyertai delegasi Timbalan Menteri Pendidikan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman dan beberapa pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

# Perhimpunan Belia Daerah Belait berakhir dengan penyampaian sijil

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad bersama Ketua Cawangan Daerah, JBS, Awang Haji Zulkifli bin Haji Tengah semasa hadir pada majlis berkenaan.

**SERIA**, Khamis, 2 April. - Majlis Perhimpunan Belia Daerah Belait 2015 yang telah diadakan sejak 31 Mac lalu sampai ke penghujungnya dengan penyampaian sijil penyertaan kepada semua pihak yang terlibat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Mohd. Hasmiron bin Haji Mohd. Taib. Hadir sama ialah Ketua Cawangan Daerah, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Awang Haji Zulkifli bin Haji Tengah.

Majlis penutup turut diserikan dengan Persembahan Pencak Silat dan Seni Mempertahan Diri Wushu.

Terdahulu pada sebelah paginya diadakan Forum Interaktif Bersama Belia yang dilaksanakan oleh Awang Ahmad Anwar bin Haji Rosly.

Beberapa orang panel belia telah diundang untuk membincangkan mengenai penglibatan mereka dengan bidang-bidang yang diceburi, yang membawa kepada pembangunan positif dalam sama-sama menggapai wawasan yang dihasratkan kerajaan agar menjadi kenyataan kelak.

Di samping itu, turut diadakan ialah persembahan akustik, iaitu sebuah persembahan yang merupakan cabang fizik yang mengkaji bunyi, iaitu gelombang mekanik dalam gas, cecair dan pepejal, akustik melibatkan penghasilan, kawalan, penghantaran, penerimaan serta kesan-kesan bunyi.

Akustik juga menyumbang kepada pelbagai kemajuan dalam kesenian. Aplikasi akustik dalam bidang lain termasuklah pengajian fenomenon geologi, atmosfera dan bawah air.

Tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Juga hadir, Ketua Cawangan Daerah, JBS, Awang Haji Zulkifli.

Program Perhimpunan Belia bertujuan bagi memberi motivasi agar para belia sentiasa mengamalkan pemikiran dan anjakan minda agar mereka sentiasa dinamik, progresif serta berkomunikasi dengan positif dan dapat menangani kehidupan dengan penuh kejayaan.



AHLI-AHLI Panel belia yang diundang pada Forum Interaktif Bersama Belia sempena Perhimpunan Belia Daerah Belait 2015.

# Karnival Maritah ke LLRC



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, selaku Ketua Kampung Lumut I merasmikan Karnival Maritah ke Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC).

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**

**LUMUT**, Khamis, 2 April. - Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC) telah menganjurkan Karnival Maritah ke LLRC Ke-5 bermula 1 hingga 5 April di kawasan lapang kelab rekreasi itu di Jalan Pantai Lumut.

Karnival bagi memeriahkan lagi cuti persekolahan penggal pertama tahun ini menampilkan pelbagai aktiviti dan hiburan seperti rumah kucing, rumah seram, maskot, gerai ria, lukisan muka, pameran kereta retro, pertunjukan reptilia dan banyak lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat di pembukaan Karnival Maritah ke LLRC ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, selaku Ketua Kampung Lumut I, pada 1 April lalu.

Lebih dari 97 petak jualan telah disediakan bagi para peniaga mempromosi barang masing-masing termasuk peniaga-peniaga dari Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Tutong juga dari syarikat-syarikat swasta.

Pemangku Pengurus Am LLRC, Awang Arshad bin Awang Besar dalam ucapan alu-aluan telah melahirkan rasa terima kasih kepada para peniaga tempatan yang telah menaruh kepercayaan kepada acara tersebut dengan penyertaan semula pada Karnival Maritah ke LLRC tahun ini.

Di kesempatan itu, beliau mengumumkan bahawa LLRC akan membuka Futsal Arena yang tidak lama lagi akan beroperasi pada pertengahan April ini nanti dan pihak kelab akan sentiasa menaik taraf segala kemudahan-kemudahan yang telah sedia ada dan juga di dalam perancangan demi memajukan kelab tersebut.

Karnival seumpama ini diungkayahkan untuk menarik perhatian orang ramai untuk mengetahui lebih dekat lagi tentang LLRC dan memperkenalkan kemudahan yang ada selain sebagai salah sebuat tempat yang sesuai untuk meluang masa bersama keluarga.

Antara yang menarik perhatian pengunjung termasuklah permainan Pony Ride, Bouncer, Nerf vs Werewolf, Flying Fox, Fear House, Buny and Cat House, Reptile House, Retro Car Show, Zumba, Pool and Boat Ride, Jetski, Fixie Show, Freestyle Football dan banyak lagi.

Karnival tersebut dibukakan kepada orang ramai secara percuma, kecuali Taman Permainan Air akan dikenakan bayaran BND1 sahaja. Karnival dibukakan dari pukul 10 pagi sehingga 10 malam.

***KARNIVAL seumpama ini diungkayahkan untuk menarik perhatian orang ramai untuk mengetahui lebih dekat lagi tentang LLRC dan memperkenalkan kemudahan yang ada selain sebagai salah sebuat tempat yang sesuai untuk meluang masa bersama keluarga.***



KARNIVAL Maritah ke LLRC turut dimeriahkan dengan pelbagai jualan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

# Majlis Istiadat Bersuruh Diraja

**Dari muka 1**

Duli Yang Teramat Mulia kemudian menyabdakan supaya Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyembahkan bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis tersebut.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz kemudian menyabdakan supaya YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kebawah DYMM kemudian menitahkan kepada YAM Pengiran Indera Setia Sahibul Karib supaya mengepalai rombongan Bersuruh Diraja ke tempat kediaman Pengantin Diraja Perempuan bagi menjelaskan hasrat baginda untuk meminang Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah untuk paduka anakanda baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib seterusnya menjunjung anugeraha untuk mengepalai rombongan Bersuruh Diraja ke tempat kediaman Pengantin Diraja Perempuan di Darul Fadhl, Simpang 130-21, Jalan Permaisuara, di sini.

Di kediaman Pengantin Diraja Perempuan, majlis dimulakan dengan Yang Mulia Pengiran Haji Bolkiah bin Pengiran Haji Jaluddin menjunjung anugeraha untuk mengadap YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bagi menjunjung YAM untuk menerima pinangan bagi pihaknya.

Rombongan Bersuruh Diraja disertai oleh beberapa orang Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pehin-Pehin Manteri, Manteri Agama, Manteri Hulubalang dan Manteri Darat.

Setelah Majlis Istiadat Meminang sempurna dilaksanakan rombongan kemudian kembali semula ke Istana Nurul Iman dan seterusnya YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai jawapan yang diterima daripada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bahawa Yang Mulia Pengiran Haji Bolkiah dan keluarga menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas hasrat baginda itu dan dengan rendah hati menjunjung kurnia pinangan itu.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum akan sembah jawapan daripada Yang Mulia Pengiran Haji Bolkiah.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



YANG Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris menjunjung anugeraha untuk mengepalai rombongan Bersuruh Diraja ke tempat kediaman Pengantin Diraja Perempuan di Darul Fadhl. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.



MAJLIS Istiadat Bersuruh Diraja disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

# Dikenakan Perintah Tahanan Akta KDN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 April. - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) telah mengenakan Perintah Tahanan di bawah Bab 3(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri, Penggal 133 ke atas Superintendant Haji Khairur Rijal bin Haji Abu Salim mulai 4 April 2015 kerana didapati bersubahat dengan penjenayah-penjenayah yang mempunyai kaitan dengan kumpulan-kumpulan penjenayah dalam dan luar negara.

Hasil siasatan JKDN juga mendapati Superintendant Haji Khairur Rijal telah melibatkan diri, memberikan perlindungan, dan seterusnya membocorkan maklumat operasi kepada kumpulan-kumpulan penjenayah dan *gangster* yang bergiat dalam aktiviti perjudian, pelacuran dan membekalkan minuman keras di Negara Brunei Darussalam.

Superintendant Haji Khairur Rijal juga merancang akan menggunakan kedudukan kuasa dan pengaruhnya selaku pegawai penguat kuasa undang-undang untuk mengawal dan menentukan hala tuju dan kadar kegiatan jenayah di negara ini.

Perancangan masa depan beliau ini akan mengancam ketenteraman awam dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

JKDN mengingatkan orang ramai supaya sentiasa memainkan peranan dalam bersama-sama menjaga keamanan dan kestabilan negara serta memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan dengan menyalurkan apa jua maklumat yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman orang awam di negara ini dengan menghubungi Hotline JKDN melalui talian 133 atau terus ke mana-mana cawangan JKDN di negara ini.

## 'ALLAH PELIHARAKAN PENGANTIN DIRAJA'

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.